

PERKAMPUNGAN
MELAKU GAMMA DI
SAYONG DAN
RUMAH TRADISINYA.

OLEH

AMINATUZHARRIAH
MEGATAZDUCLAH

Y
00002
HAL.

ITm

N. A. ITm

KOLEKSI N. A. HALIM

PERKAMPUNGAN MELAYU LAMA
DI SAYONG & RUMAH TRADISINYA

oleh

Aminatuzuhariah Megat Abdullah

KOLEKSI N. A. HALIM

".....untuk kenangan ku pada ayahanda yang telah
pergi dan 'abang' serta bonda tersayang....."

KANDUNGAN

Muka surat	
Kata Pengantar	I
Penghargaan	II
Pendahuluan	V
Sejarah Raja-Raja Perak dan Penempatan Di Sayong	1
Masyarakat Melayu Perak	7
Perkampungan Melayu Lama Di Sayong	10
Cara Hidup, Adat Tradisi Dan Kepercayaan Masyarakat Melayu Asal Di Sayong Dan Pengaruhnya	
Terhadap Senibena, Khasnya Rumah Bumbung Perak	15
Corak Permulaan Perkampungan Raja dan Pengikutnya	36
Perkembangan Senibena Dan Polar Perancangan Kampung Sayong Setelah Berkembangnya Penduduk	47
Perbezaan Rumah Raja Dan Rakyat	57
Pengaruh-Pengaruh Terhadap Rumah Bumbung Perak	64
Perkembangan Kampung Di Abad Ke 19 Dan Ke 20 Dan Kesan-Kesannya Terhadap Senibena	71
Rumah Tradisi Di Sayong - Individu	78
Penutup	126
Buku-Buku Rujukan	128

KATA PENGANTAR

Assalamualaikum;

Memang menjadi hasrat Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur, untuk mengumpul seberapa banyak kertas-kertas kerja ilmiah untuk menjadi panduan bagi pelajar-pelajar dimasa akan datang. Kertas-kertas kerja yang diwajibkan keatas penuntut-penuntut tahun akhir, adalah merupakan satu usaha yang menggalakkan untuk mencapai hasrat ini.

Kertas kerja yang dimaksudkan seelok-eloknya berunsurkan gambaran tentang aspek-aspek senibina, lebih-lebih lagi senibina di zaman silam yang hampir pupus jika tidak diselamatkan.

Kerana kesintukan masa dan kesibukan penulis dengan projek-projek lain maka penulis tidaklah dapat menumpukan masa sepenuhnya untuk melahirkan satu kertas kerja yang benar-benar lengkap. Oleh itu, sekiranya terdapat kekurangan-kekurangan yang tidak disengajakan, diharap pelajar-pelajar baru nanti dapat memperlengkapannya lagi untuk tujuan bersama.

....!

PENGHARGAAN

Menerbitkan sebuah kertas kerja yang menggambarkan satu komuniti dan senibina tradisi dalam bentuk asli tidaklah semudah yang disangkakan. Ianya memerlukan kerjasama serta penglibatan yang serious dari penulis, penduduk tempatan mahupun badan-badan tertentu. Di sini penulis ingin memberi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada nama-nama mereka yang tersebut dibawah ini kerana sumbangan mereka bagi menjayakan penyusunan kertas kerja ini.

Kepada Encik Mohammad Yassim bin Pandak Leman yang tinggal di Kampung Basong, Kuala Kangsar, kerana telah memberi maklumat tentang rencana yang berkaitan dengan pemerintahan raja, sala-silah raja-raja dan orang-orang besar serta juga tentang kedatangan Aceh dan Bugis ke Perak. Beliau telah juga bermurah hati meminjamkan sebuah menoskrip sala-silah raja-raja yang menjadi rujukan penulis.

Di kampung Sayong, penulis telah membuat beberapa penyelidikan dan kajian serta temuduga-temuduga bagi mendapatkan cerita-

cerita yang berhubung dengan sejarah dan senibina rumah tradisi yang masih wujud di kampung tersebut. Penulis juga berterima kasih dengan Encik Mohammad Radhi bin Mohammad Said, anak bekas penghulu, kerana telah memberi beberapa maklumat yang berharga. Di samping itu penulis tidak lupa berterima kasih atas sumbangan dari Encik Zabidin bin Pandak Ismail, Encik Yusof, Encik Zam Zamil dan ramai lagi di kalangan masyarakat di kampung yang berkenaan. Selain daripada itu penulis juga berterima kasih kepada orang-orang perseorangan yang lain yang nama mereka tidak dapat dicantikan disini.

Penulis merakamkan juga penghargaan kepada Encik Halim Nasir seorang penulis sejarah dan kebudayaan yang telah memberi kejayaan kepada penulis. Beliau telah meluangkan masanya baik di pejabat mahupun di rumahnya untuk temuramah dengan penulis, meminjamkan risalah, kertas-kertas seminar dan buku-buku tulisan beliau.

Akhir kata penulis mengucapkan terima kasih dan bersyukur ke hadrat Illahi atas pengorbanan dan dorongan ibu dan 'abang',

dimana galakan-galakan yang diberi itu sungguh memberi makna dan perangsang bagi penulis menyiapkan penulisan ini. Semoga diredhai dan diberkati Allah s.w.t. atas segala usaha dan langkah-langkah penulis hendaknya, wassalam.

PENDAHULUAN

Didalam kertas kerja ini penulis akan menggambarkan tentang perkampungan dan kewujudan senibina-senibina tradisi dan cara hidup masyarakat Melayu di Perak di zaman silam sehingga datangnya pengaruh-pengaruh Barat.

Senibina adalah hasil dari pembentukan kemajuan sesuatu masyarakat di dalam semula jadinya. Ini adalah hasil dari pengalaman hidup dan melambangkan tamaddun kehidupan bangsa itu. Rupabentuk senibina adalah hasil dari pengaruh cara kehidupan harian, kepercayaan, kebudayaan, sejarah, alam sekitar dan kebolehan teknikal. Cara binaan di pengaruhi oleh keadaan alam sekeliling dan kegunaan bahan-bahan tempatan. Secara umum, sejarah senibina adalah selaras dengan sejarah sesuatu masyarakat itu. Ini dapat dikaji daripada perkembangan tamaddun masyarakat itu dari dahulu hingga masa kini.


Sayang sekali setengah daripada senibina-senibina tradisi ini sudah tidak dapat dikesan lagi. Seperti mana kes studi penulis di Sayong merupakan satu tempat persemayaman Di Raja sedikit

masa dahulu. Di situ dahulunya wujud berbagai-bagai senibina atau bangunan yang menarik, misalannya istana raja, wakaf, gelanggang silat, masjid, dan surau. Oleh kerana kedatangan banjir besar yang melanda kampung ini pada tahun 1926 dahulu maka kesan-kesan bangunan bersejarah ini hilang sama sekali. Alhamdulillah, setengah daripada rumah-rumah tradisi di situ masih tegak hingga sekarang ini walaupun telah bertukar corak dari yang aslinya. Penulis akan berbicara dengan lebih lanjut lagi mengenai perkampungan dan rumah tradisinya ini di dalam bab-bab yang berikut.

SEJARAH RAJA-RAJA PERAK DAN PENEMPATAN DI SAYONG

Di masa pemerintahan raja-raja di Perak, lebih dari 30 buah istana terdapat di sepanjang tebing kanan Sungai Perak. Kesultanan Perak bermula pada abad yang ke 16 iaitu bermula dari Sultan Muzaffar Shah I pada tahun 1528.

Baginda telah berselisih faham dengan Tun Saban, seorang pem-besar di Perak Hulu. Puncanya ialah baginda tidak mahu melantik Tun Saban menjadi Bendahara negeri Perak yang kosong. Sebaliknya baginda telah melantik Megat Terawis untuk mengisi jawatan itu. Padahal yang sepatutnya Tun Sabanlah yang lebih berhak. Tun Saban melancarkan satu perang dengan Sultan Muzaffar Shah dan baginda telah kalah dalam perang itu. Dengan itu terpaksa baginda mengiktirafkan tebing sebelah kiri Sungai Perak di bawah pemerintahan Tun Saban. Itulah sebabnya kesemua istana-istana Sultan Perak dahulunya terletak di sebelah kanan. Pada tahun 1887 baharulah Raja Perak berpin-dah ketebing sebelah kiri iaitu di Bukit Chandan, Kuala Kangsar, iaitu di masa pemerintahan Sultan Idris I (Sultan Perak ke 28). Lihat rajah 1.



Peta negeri Perak yang disalin daripada sebuah peta yang dicetak dalam tahun 1876.

Rajah I.

Seperti yang telah disebutkan tadi bahawa penempatan Sultan Perak adalah disepanjang tebing kanan Sungai Perak. Tempat-tempat yang pernah menjadi tempat persemayaman Raja ialah Tanah Abang, Kota Lama Kanan (masuk dalam kawasan Sayong pada masa dahulu), Geronggong (hampir dengan Pulau Tiga), di Semat (sekarang dipanggil Manong), Bota Kanan, Pulau Indera Sakti dan di Sayong sendiri. Menurut Encik Halim Nasir, rumah Bumbung Perak atau Rumah Kutai ini mungkin ada bersangkut paut dengan raja kerana rumah ini hanya boleh di dapati di kawasan-kawasan yang pernah menjadi penempatan Raja-Raja sahaja; seperti yang telah disebutkan diatas.

Adapun sebab-sebab mengapa Sultan Perak tidak tetap bertempat di sesuatu tempat ialah kerana:

- 1). Sistem pemerintahan Sultan Perak itu sendiri. Misalannya jika Sultan Perak bersemayam di Pulau Tiga maka baginda akan menghantar Raja Muda, Raja Bendahara dan Raja DiHilir di daerah-daerah negeri Perak yang lain. Dengan itu raja-raja yang berkenaan akan mendirikan istana didaerah-daerah mereka yang tersendiri. Apabila Sultan mangkat, istana Sultan itu diduduki oleh anak-anak baginda. Raja Muda

akan menjadi Sultan dan sudah tentulah baginda tetap menetap di tempat/daerah baginda sendiri.

- 2). Campurtangan/pengacauan oleh kuasa luar seperti Aceh, Belanda dan Siam. Perak pada masa dahulu memang sentiasa di serang dan di takluk disebabkan oleh kekayaan bijihnya. Dengan itu apabila adanya serangan, Sultan akan mudik di Sungai Perak dan mencari penempatan yang baharu.
- 3). Perselisihan di antara Sultan dengan adik beradik baginda atau pembesar-pembesar. Ini terjadi misalannya pada masa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah ke III yang berselisih dengan adik baginda Yang di Pertuan Muda Muhammad Shah. Baginda Sultan telah berundur dan membuat 'penempatan di Sayong, Perak.
- 4). Adat Sultan-Sultan Perak yang suka bermain, berkelah sambil melawat daerah-daerah di Perak. Misalannya Sultan Iskandar Zulkarnain yang suka berbuat demikian telah mendirikan balai tempat persemayaman di Kota Lumut di samping istana besar baginda di Pulau Indera Sakti.

Penempatan terawal di Sayong dikatakan bermula dalam kurun yang ke 16, iaitu pada masa pemerintahan Sultan Perak yang

kedua, Sultan Mansur Shah I yang bertempat di Kota Lama Kanan. Oleh kerana Kota Lama Kanan dan kampung Sayong berdekatan letaknya iaitu kira-kira 2 km. jauhnya maka sudah tentulah rakyat atau pengikut-pengikut raja ini mendiami kawasan Sayong. Selepas Sultan Mansur Shah hilang di masjid Kota Lama Kanan itu, Sultan-Sultan lain telah telah bersemayam di beberapa tempat lain seperti di Geronggong, Semat, Bota Kanan dan di Berahman Indera sehingga pada masa Sultan Muzaffar Shah ke III baharulah penempatan di Sayong di buka semula. Ini berlaku pada tahun 1728 - 1756. Walaupun begitu pada masa Sultan-Sultan Perak bersemayam di kawasan lain daripada Sayong, tidaklah bermakna kawasan ini lenyap begitu sahaja. Penempatan di Sayong ini semakin lama semakin berkembang di bawah pemerintahan pembesar-pembesar negeri ataupun anak-anak raja yang dilantik menjadi pembesar-pembesar yang tinggal di istana dan rumah-rumah pembesar di Sayong.

Selepas Sultan Muzaffar Shah ke III, sekali lagi Sayong kehilangan Sultan yang memerintah di situ. Walaupun begitu Sultan Iskandar Zulkarnain (1756-1770) yang bersemayam di Pulau Indera Sakti, sering melawat pembesar-pembesar baginda di

Sayong juga di kawasan lain.

Selepas itu pada tahun 1865, sekali lagi Sayong di pilih sebagai tempat persemayaman oleh Sultan Ali Al-Mukammal Inayat Shah, Sultan Perak yang ke 24. Istana itu digunakan sehingga pada masa pemerintahan Sultan Yusuf Sharifuddin Muzaffar Shah 1886-1887 (Sultan Perak yang ke 27) sebelum Sultan Perak yang ke 28, Sultan Idris I berpindah ke Bukit Chandan.

Perlu juga disebutkan di sini bahawa pada masa pemerintahan Sultan-Sultan ini negeri Perak sentiasa menjadi tumpuan pedagang-pedagang dan kuasa asing kerana Perak di dapati kaya dengan bijih timah. Antara kuasa-kuasa asing yang ada masuk campur di Perak ialah Aceh, Bugis (askar upahan dan pembesar Perak banyak berasal dari Bugis), Belanda dan Inggeris. Kuasa-kuasa asing ini juga perperanan besar dalam merubah Senibina Melayu di kala itu.

MASYARAKAT MELAYU PERAK

Asal-usul

Bangsa Melayu adalah penduduk yang asal mendiami negeri Perak. Mereka itu berasal daripada beberapa keturunan rumpun Melayu, seperti Jawa, Mendailing, Patani, Minangkabau, Kurinci, Aceh, Rawa, Bugis, Banjar, Melayu kacukan India dan Melayu kacukan Arab. Kesemua rumpunan bangsa Melayu itu biasanya disebut orang Melayu sahaja.

Orang-orang Bugis kebanyakannya terdapat di daerah Kuala Kangsar, terutamanya di Kota Lama Kanan dan Kota Lama Kiri dan juga di Sayong. Mereka ini haruslah berasal dari orang-orang Bugis dari negeri Selangor dan juga keturunan dari Daeng Selili anak Raja Bugis yang telah dilantik menjadi Mufti negeri Perak di zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Shah III (T.M. 1728-1756). Daripada keturunan Daeng Selili juga telah diangkat menjadi Temenggong Paduka Raja negeri Perak. Pada masa ini pangkat dan gelaran itu masih lagi di sandang oleh orang-orang yang berketurunan dari Daeng Selili keturunan dari Raja Bugis itu.

Di daerah Kuala Kangsar juga terdapat orang-orang Melayu keturunan Aceh. Mereka telah lama berada di Perak dan kedatangan mereka itu tentulah ada hubungan dengan kekuasaan kerajaan Aceh ke atas negeri Perak sejak dari kurun ke 16 hingga ke 18.

Orang-orang Melayu keturunan Jawa kebanyakannya mendiami di sebelah Hilir Perak yang meliputi Teluk Intan, Batak Rabit, Bagan Datoh, Sungai Manik dan beberapa tempat lagi di sepanjang tepi pantai negeri Perak. Orang Melayu dari keturunan Mendailing dan Rawa banyak terdapat di Kampar, Gopeng, Tanjung Malim, Tapah dan beberapa tempat lagi. Selain daripada itu orang-orang Melayu Banjar banyak mendiami di Sungai Manik dan lain-lain kampung di daerah Teluk Intan, di Bukit Merah dan Gunung Semanggul. Orang-orang Kurinci dan orang-orang Melayu Patani juga terdapat di Perak tetapi bilangan mereka agak sedikit jika dibandingkan dengan orang Melayu keturunan lain.

Sejak wujudnya kesultanan Perak pada kurun ke 16 hingga kedatangan penjajah Inggeris pada kurun ke 19, maka pemerintahan kesultanan Perak adalah terletak di tempat yang tidak jauh dari

tebing Sungai Perak (di tebing kanan mudik), dimana istana-
istana didirikan untuk persemayaman raja dan juga sebagai
pusat pentadbiran . Dengan adanya pusat pentadbiran, maka secara
tidak langsung rakyat juga memilih tepi tebing sungai yang ber-
hampiran dengan istana untuk mendirikan rumah kediaman.

Dalam keturunan ke 19, beberapa orang raja yang memerintah
Perak telah memilih beberapa tempat di Sekitar Sayong, Kota
Lama Kanan dan juga daerah-daerah Kuala Kangsar yang lain
sebagai pusat pemerintahan. Ini menjadikan ramai orang-orang
Melayu tertumpu ke daerah tersebut.

PERKAMPUNGAN MELAYU LAMA DI SAYONG

Faktur-faktur pembinaan kampung di tebing sungai

Seperti yang telah kita ketahui, kebanyakan kampung-kampung Melayu di zaman dahulu terletak di tebing sungai. Begitulah halnya dengan kampung Sayong yang terletak di sebelah tebing kanan Sungai Perak di daerah Kuala Kangsar. Ini dapat di buktikan lagi dengan melihat peta lama Perak (rajab I). Daripada catatan sejarah Perak kita dapati Sultan-Sultan Perak mempunyai faktur-faktur yang tertentu dalam pembinaan penempatan mereka di tebing-tebing sungai. Antaranya ialah:

- 1). Pada permulaan abad yang ke 16, Perak masih merupakan sebuah negeri yang di penuhi oleh hutan rimba yang padat. Sultan-sultan yang mudik di dalam sungai Perak ini akan memilih satu tempat untuk menjadi perkampungannya. Oleh kerana hutan yang amat tebal dan ketiadaan alat-alatan moden untuk menebang dan membersihkan tapak, maka masyarakat ini tidak dapat menerokai kawasan yang lebih jauh ke pendalaman dari tebing sungai tersebut.

- 2). Seperti yang kita semua ketahui air merupakan sumber utama yang amat perlu dalam kehidupan kita sehari-hari. Air digunakan untuk mandi, membasuh minum dan sebagainya. Oleh kerana tidak ada air paip, maka penduduk tinggal berhampiran dengan sungai. Selain daripada itu air juga digunakan untuk pengairan sawah padi yang merupakan makanan asasi manusia. Sungai juga menyediakan ikan-ikan dan siput untuk makanan mereka.
- 3). Sungai merupakan satu-satunya jalan perhubungan kerana tiada jalanraya dan kenderaan beroda. Di masa itu perahu memainkan peranan yang penting. Raja-raja di Perak di masa dahulu sering diserang oleh musuh-musuh seperti Aceh, Bugis, Siam, Belanda dan Inggeris. Apabila raja ini kalah, baginda dengan pengikut-pengikutnya akan mudik ke sungai dan apabila baginda membuat pemilihan tempat, istana akan diperintah dibina dengan segera.
- 4). Sungai digunakan untuk menghanyutkan kayu-kayan yang didapati dari dalam hutan untuk membuat rumah-rumah kediaman mereka. Kayu-kayan ini ialah seperti kayu cengal, merbau, damar laut dan sebagainya. Penduduk mencari kayu biasanya di hulu-hulu sungai sedara bergotong royong. Apabila sudah banyak di-

dapati kayu-kayu ini kemudian dihanyutkan sehingga ke kampung Sayong ini.

- 5). Selain daripada sultan, orang-orang besar diberi kuasa memerintah di daerah-daerah tertentu di segenap negeri Perak. Apabila sultan mangkat, ditabalkan, atau sultan berkahwin, seluruh orang-orang besar tadi diperintahkan berhimpun di tempat kediaman raja. Dengan itu cara perhubungan yang paling cepat dan mudah ialah dengan menggunakan sungai. Oleh itu kesemua penempatan-penempatan raja dan orang-orang besar tadi berhampiran dengan sungai.
- 6). Pada masa temasya perkahwinan diraja atau pun pertabalan baginda, sungai memainkan peranan yang penting untuk upacara perarakan.
- 7). Pada masa dahulu permainan-permainan seperti polo, golf, billiard dan sebagainya masih tidak wujud lagi. Dengan itu raja-raja selalu mengadakan permainan di atas air seperti permainan mengayuh sampan, memanjat tiang licin didalam air, berenang dari satu tebing kesatu tebing dan sebagainya.

- 8). Sungai juga merupakan satu cara dalam menghalang musuh dari mudik masuk ke dalam negeri atau di kota tempat raja bermayam. Cara yang digunakan ialah dengan merentang tali yang kukuh atau pun tali besi dari satu tebing ke satu tebing. Satu hujung tali itu di ikat kepada pokok atau batu besar dan hujung tali yang lagi satu lagi itu dipegang beramai-ramai oleh penduduk-penduduk kampung. Tali itu dilandutkan didalam air sehingga hilang dari penglihatan. Apabila perahu-perahu musuh datang tali itu diregangkan dan perahu-perahu yang melanggar tali itu akan terbalik.
- 9). Untuk memudahkan penduduk-penduduk mendapatkan bahan-bahan keperluan sehari-hari daripada peniaga-peniaga dalam dan luar negeri yang datang berniaga dalam perahu. Barang-barang yang dimaksudkan adalah seperti garam, ikan masin, kain, gambir, barang-barang tembikar, bedak dan lain-lain. Dengan perkampungan berhampiran dengan sungai juga memudahkan rakyat tempatan membawa barang-barang mereka untuk pertukaran dengan barang-barang yang telah disebutkan tadi.
- 10). Pada masa itu orang-orang besar sentiasa menunggu diatas air, didalam perahu masing-masing. Mereka ditugaskan oleh

raja untuk memungut cukai dari pedagang-pedagang yang lalu

di kawasan mereka.

CARA HIDUP, ADAT TRADISI DAN KEPERCAYAAN MASYARAKAT MELAYU
ASAL DI SAYONG DAN PENGARUHNYA TERHADAP SENIBINA, KHASNYA
RUMAH RUMAH BUMBU.G MELAYU

Cara hidup

Oleh kerana penghidupan penduduk di Sayong pada masa dahulu mempunyai raja sebagai ketua, mereka mempunyai dua perhubungan am dalam kehidupan mereka sehari-hari. Perhubungan yang dimaksudkan ialah perhubungan di antara rakyat dengan rakyat, dan perhubungan diantara rakyat dengan raja.

Buat permulaan penulis menjelaskan tentang kehidupan dan pergaulan diantara rakyat dengan rakyat terlebih dahulu: Secara amnya mereka menyediakan keperluan-keperluan asas dan mencari rezeki untuk keperluan harian. Keperluan yang dimaksudkan adalah seperti:

- i). Alat-alatan untuk berburu, bertukang dan berperang seperti kapak, beliung, keris dan parang.
- ii). Alat-alatan di dapur seperti tempayan air, periuk belanga, senduk dan lain-lain.

iii). Tikar yang digunakan untuk duduk dan tidur diatas lantai.

iv). Pelita dan ubur-ubur.

v). Kain baju untuk dipakai.

Kesemua ini adalah amat perlu memandangkan pada masa itu kemudahan-kemudahan asas moden belum lagi wujud. Untuk mendapat gambaran yang lebih lanjut lagi biarlah penulis menerangkan serba sedikit tentang bagaimakah caranya peralatan ini dibuat.

Peralatan untuk berburu dan berperang seperti keris dan pedang diperbuat dari logam yang dimasak. Untuk membuat acuan keris dan pedang ini, tanah di korek mengikut acuan yang dikehendaki. Buluh-buluh kemudiannya dibelah dan dilapikkan kedalam acuan tanah tadi. Bijeh besi atau logam yang panas dituang ke dalam acuan tersebut dan apabila telah keras, pedang atau keris yang sudah terbentuk itu dikeluarkan dari acuan tersebut.

Tempayan dan periuk belanga diperbuat dari tanah liat. Tanah-tanah yang sudah dibentuk ini dijemur di panas matahari dan kemudiannya dibakar. Periuk belanga dan tempayan yang sudah elok 'masak' ini disapu damar (getah dari pokok damar) di permukaan luarnya, untuk mengelakkan air dari meresap keluar bila di pakai nanti. Senduk-senduk yang digunakan diperbuat dari tempurung

kelapa. Untuk mengangkut air dari sungai atau perigi ke rumah, bacuk (buluh besar) digunakan. Buluh yang digunakan untuk tujuan ini adalah buluh pedang, buluh aur dan buluh raya. Air diisi di dalam ruas-ruas buluh ini dan dikandar ke rumah. Air ditimba dengan menggunakan upih pinang yang telah dibentukkan.

Untuk menerangkan rumah di malam hari, pelita dibuat dari damar yang digulung dengan daun pisang tua digunakan. Ubur digunakan bila rakyat berjalan di malam hari. Ubur diperbuat dari daun-daun kelapa kering yang diikat dengan rotan. Kadang-kadang di antara pelepah ini dimasukkan damar untuk memperawakkan lagi apinya. Se bahagiannya pula menyusun tempurung kelapa di buluh yang panjang dan di antara tempurung-tempurung itu diisi damar.

Beroakap tentang pakaian pula, pada mula-mula penempatan orang-orang melayu ini, mereka masih memakai kulit terap. Kulit terap ini dibelah-belah dan ditumbuk, direndam dan kemudianya dibasuh; dan bentuknya akan menjadi seperti kain (jarang sedikit). Upih pinang dan upih dudor juga boleh digunakan. Untuk dijadikan baju-baju dan sarung, bahan-bahan ini dihubungkan dengan menggunakan gam pokok tampan. Kain benang kapas hanya diperkenalkan kepada masyarakat ini setelah pedagang-pedagang luar negeri masuk.

Mencari rezeki

Dalam pencarian rezeki, masyarakat kampung ini bergantung kepada pertanian, menangkap ikan di Sungai Perak dan berburu. Bagi mereka yang bertani, tanah-tanah dan sawah dikelolakan dengan penglibatan tenaga oleh ahli-ahli keluarga. Apabila dar Meluarga sendiri tidak mencukupi, tenaga dari keluarga lain diperlukan. Dengan itu timbulah kerjasama diantara ahli-ahli masyarakat dengan konsep gotong royong, dimana hasil dibahagikan diantara keluarga-keluarga. Konsep gotong royong diamalkan juga dalam lain-lain hal termasuklah soal mendirikan rumah. Masing-masing individu menyumbangkan tenaga, dengan itu tiap-tiap yang terlibat memperolehi sedikit sebanyak pengalaman mengenai teknik binaan. Justru itu, teknik binaan diturunkan dari generasi kegenerasi dan tidak hairanlah kalau rumah-rumah berbentuk sama di seluruh kampung itu.

Pada masa lapang, orang-orang Melayu disini juga menghabiskan sebahagian daripada masa mereka dengan menjalankan aktiviti-aktiviti di sekitar kawasan rumah mereka. Pokok-pokok, buah-buahan, sayur-sayuran ditanam biasanya untuk keperluan sendiri dan pokok-pokok bunga ditanam untuk menghiasi halaman rumah. Ayam dan itik di ternak di satu sudut di belakang rumah. Dengan mengamalkan cara

hidup dimana perhubungan dan kerjasama diantara ahli-ahli masyarakat adalah penting kita dapati rumah-rumah di kampung Nelayu di sempadankan dengan pokok buah-buahan sahaja dan tidak berpagar didalam ertikata yang sebenarnya. Pagaran bagi masyarakat kampung membawa maksud pengasingan. Jikalau pagar perlu diadakan dengan sebab-sebab tertentu, ia tidaklah dibina secara pagar mati supaya memudahkan ziarah-menziarahi, seberang-menyebaangi diantara jiran-jiran semasa bersuka, berduka ataupun menghadapi bahaya.

Dengan semangat hidup bersama juga, perhubungan diantara ahli-ahli masyarakat kampung adalah rapat. Ziarah-menziarahi, kunjung-mengunjungi di kalangan sahabat-handai dan jiran-tetangga sering dilakukan. Tiap-tiap keluarga sedia menerima kunjungan sahabat handai atau jiran-tetangga pada sebilang masa dengan tidak membuat ketetapan atau perjanjian, seperti yang di perlukan apabila hendak mengunjungi rumah orang-orang Barat. Kunjung-mengunjungi sering dilakukan di sebelah petang hari selepas pekerjaan harian selesai ataupun jika perlu selepas sembahyang Isyak disebelah malam. Sekiranya pengunjung ingin bermalam, kemudahan disediakan. Serambi, selain daripada rumah menyambut tetamu juga berfungsi sebagai tempat tidur para pelawat yang bermalam.

Masyarakat Melayu di sini juga menjalankan perniagaan di tebing-tebing sungai di suatu tempat yang dikhaskan dinamakan pasar. Perniagaan dijalankan dengan cara bertukar-tukar barang antara peniaga-peniaga tempatan dengan peniaga-peniaga luar. Pasar-pasar ini selalunya berada di tebing-tebing sungai kerana peniaga-peniaga luar datang ke sini dengan menggunakan perahu.

Perhubungan rakyat antara satu kampung dengan kampung yang lain

Menurut seorang bekas ketua kampung Sayong, Encik Zabidin bin Panjang Ismail, rakyat diantara satu kampung dengan kampung yang lain tidaklah begitu erat sepetimana yang terdapat dalam perhubungan rakyat sama se kampung. Pada masa itu rakyat yang berlainan kampung ini tidak bersatu padu. Perasaan dendam, busuk hati dan pengacauan sering berlaku. Walaupun kesemuanya dibawah pemerintahan satu Sultan; tetapi kampung-kampung itu adalah dijaga oleh ketua-ketua kampung yang berlainan. Ini mempengaruhi bentuk rumah-rumah rakyat seperti ibu rumahnya. Rumah-rumah itu tidak terdapat tingkap langsung. Kalau ada pun hanyalah lubang kecil yang berukuran 15cm x 7cm sahaja iaitu hanya untuk tujuan mengintai orang-orang di luar sahaja.

Cara hidup - Pergaulan rakyat dan raja.

Pergaulan raja dan rakyat di Sayong di masa dahulu sangatlah rapat. Ini adalah disebabkan kebanyakan rakyat di situ adalah terdiri dari pengikut baginda sendiri, dan bilangan rakyat adalah agak kecil, cuma lebih kurang dalam 200 buah rumah sahaja.

Rakyat yang terdiri dari orang-orang Melayu amatlah patuh dan menghormati raja mereka. Misalannya, apabila raja keluar berburu, rakyat akan turut serta beramai-ramai. Sesiapa yang melanggar perintah raja akan dianggap menderhaka dan hukumannya adalah amat berat.

Jika ada musuh datang menyerang, beduk akan diketuk dan rakyat akan datang berkumpul di istana, dengan meninggalkan apa sahaja yang mereka sedang lakukan, tak kira samada siang atau malam.

Apabila raja mengadakan kenduri, rakyat akan dikerah untuk membawa bahan-bahan seperti beras, garam, gula, kayu api dan lain-lain keperluan. Selepas penat bergotong royong menyediakan masakan, rakyat juga dijemput makan bersama.

Walaupun begitu, raja merupakan seorang pelindung kepada rakyat. Jika rakyat ditimpa kesusahan, raja akan bersedia menolong. Untuk

kehidupan raja, rakyat dikerah untuk membantu, misalannya seperti mengerjakan sawah, mengangkut air dari sungai ke istana, mencari kayu api untuk raja dan sebagainya. Adakalanya rakyat memberi sebahagian hasil ladangnya kepada raja.

Pendek-kata hal ehwal rakyat semua adalah tanggong jawab raja. Tetapi di tempat-tempat yang jauh dari tempat persemayamannya, baginda akan memerintahkan orang-orang besar baginda ke tempat atau daerah itu untuk mewakili baginda. Dengan itu wujudlah sistem orang-orang besar di Perak untuk menolong mengendalikan hal ehwal pemerintahan Sultan. Orang-orang besar yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

Orang Besar Empat

Ini terdiri dari:

- 1) Orang Kaya Besar Maharaja Diraja
- 2) Orang Kaya Temenggong Paduka Raja
- 3) Raja Bendahara
- 4) Orang Kaya Temenggong Paduka Tuan

Orang Besar Lapan

- 1) Orang Kaya-Kaya Maharaja Lela
- 2) " " Laksamana Raja Mahkota

- 3) Orang Kaya-Kaya Sri Adika Raja Shah Bandar Muda
- 4) " " Panglima Kinta
- 5) " " " Bukit Gantang
- 6) " " " Shah Bandar Paduka Indra
- 7) " " " Setia Bijaya Diraja
- 8) " " " Imam Paduka Tuan

Orang Besar Enambelas

Terlalu ramai untuk disebutkan di sini. Pada amnya mereka ini terdiri dari penghulu-penghulu mukim di seluruh Perak.

Orang Besar Tigapuluh Dua

Terdiri dari ketua kampung bagi setiap kampung dalam satu mukim.

Nobat yang diletakkan dalam istana-istana raja merupakan satu gendang yang memberi sesuatu makna kepada rakyat keseluruhannya. Ada enambelas lagu-lagu nobat yang boleh dimainkan mengikut upacara nya yang tertentu. Antara lagu-lagu yang dimainkan ialah pada waktu isyak dan subuh yang digelar nobat isyak dan nobat subuh yang mana menunjukkan raja mengingatkan agar kaum muslimin dan muslimat akan suruhan Tuhan pada permulaan hari siang dan malam.

Lain-lain lagu yang dimainkan memberitahu rakyat tentang lain-lain

aktiviti raja samada hendak bermain, berburu, belayar dan seolah-olah seperti menjemput rakyat untuk turut serta. Ini akan sentiasa menjalankan perhubungan yang mesra antara raja dan rakyat setiap waktu.

Adat

Adalah menjadi adat masyarakat Melayu menyekat pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan. Konsep ini juga adalah dituntut oleh ugama Islam yang datang kemudiannya. Dalam penyusunan ruang-ruang dalam rumah, terdapat pembahagian di antara ruang lelaki (male domain) dengan ruang perempuan (female domain). Domain lelaki terdiri dari Ruang Serambi manakala domain perempuan ialah Ruang Wanita dan Ruang Dapur. Biasanya ruang perempuan ini disekat dengan tabir dan tidak boleh dimasuki selaki tanpa izin selain dari lelaki dalam keluarga sendiri.

Ruang-ruang di dalam rumah adalah terbuka dan tidak berbilik-bilik kerana sosialisasi orang Melayu mementingkan perjumpaan beramai-ramai diwaktu keramaian, samada menyempurnakan adat resam seperti lenggang perut, cukur rambut dan sebagainya ataupun bercorak ugama seperti kenduri kendara atau kedua-duanya sekali.

Di dalam kehidupan masyarakat Melayu di kampung, kenduri ialah satu unsur yang penting yang merapatkan perhubungan di antara masyarakat. Rumah telah menjadi tempat sosialisasi yang penting yang memerlukan ruang yang luas dan terbuka.

Para jemputan lelaki di khaskan di ruang serambi, manakala tetamu perempuan di rumah ibu yang boleh dimasuki dari pintu belakang. Di waktu kenduri kendara, tetamu lelaki duduk bersila di atas lantai dengan satu baris berhadapan manakala hidangan diletakkan di tengah-tengah. Dengan sebab itu bentuk ruang serambi itu kecil dan memanjang seperti terdapat di rumah-rumah Melayu di Melaka dan Negeri Sembilan. Ruang dapur juga sebagai ruang perempuan perlulah luas kerana selain daripada tempat makan dan tempat pertemuan ahli keluarga juga berfungsi sebagai ruang kerja dimana kaum perempuan bekerjasama membuat persediaan untuk menjayakan sesuatu istiadat atau keramaian secucuk dengan hidup bermasyarakat. Di hari-hari biasa, rumah dapur juga adalah tempat menerima sahabat handai atau jiran tetangga wanita yang datang bertanyakan hal dan berbincang mengenai hal-hal bersama.

Dalam pergaulan sehari-hari pula, tidaklah wujud perasaan sumbang di antara ahli keluarga di dalam masyarakat Melayu walaupun

sering terdapat ahli-ahli keluarga, lelaki dan perempuan, tua dan muda, tidur di merata bahagian rumah. Cara tidur begini dipermudahkan kerana tempat tidur ialah di atas lantai dengan membentang tikar dan menyimpannya di suatu sudut di siang hari.

Anak-anak dara pada zaman dahulu selalunya disembunyikan oleh orang-orang tua mereka dari ternampak oleh pelawat lelaki kerana lebih mudahlah bagi ibubapa menjalankan upacara perkahwinan sekiranya anak daranya tidak diketahui oleh penduduk-penduduk luar kampung.

Selain daripada itu, penduduk-penduduk dalam satu kampung dengan kampung yang lain kadang-kadang tidak mesra. Perasaan dengki, dendam mendendam dan permusuhan menyebabkan seseorang boleh mencolek seorang anak dara untuk berkahwin. Dari itu untuk mengelakkan kesusahan kepada ibubapa, anak-anak dara disembunyikan dan tidak dibenarkan bercampur gaul dengan orang ramai pada masa keramaian. Itulah sebabnya didalam rumah-rumah Melayu trdisional dan rumah Melayu Bumbung Perak mempunyai loteng untuk tujuan ini.

Kepercayaan Masyarakat Melayu

Masyarakat Melayu sebelum menganut ugama Islam, menganuti kepercayaan animisma yang di antara lain memuja hantu, semangat atau penunggu.

Mereka percaya yang hidup mereka ditentukan oleh kuasa ghaib ini dan semua kejadian alam seperti sungai, laut, busut, bukit, pokok-pokok dan sebagainya atau penunggu. Menentang atau meganggu kuasa ghaib ini dipercayai boleh mengakibatkan sakit pening, kesusahan dan sebagainya. Atas kepercayaan ini biasanya orang Melayu di zaman dahulu di Sayong dan di mana-mana juga mendapatkan pertolongan pawang untuk menentukan kedudukan serta orientasi rumah mereka dan mendirikan rumah-rumah di lidah tanah, di laluan alur, di atas busut, bekas perigi buta adalah ditegah kerana ditakuti tempat kedamuan atau kelintasan hantu. Sungguhpun kedatangan Islam telah mengubah pemikiran oran-orang Melayu tetapi kepercayaan berbentuk animisma ini tidak dapat dikikis habis-habisan dan masih wujud di kalangan sebilangan orang Melayu.

Pemilihan Tapak

Sebelum membina rumah itu, tapak yang benar-benar sesuai hendaklah dipilih. Tapak ini didapati dengan pertolongan pawang atau dari usaha orang yang hendak membuat rumah itu sendiri. Sebelum mendirikan rumah atau bangunan di atas sesuatu tapak itu, ketua keluarga dikehendaki mengambil tanah dari tapak yang dipilih. Tanah itu dikepal-kepal sebanyak tiga kepala. Kemudian ketua keluarga itu

dikehendaki tidur dalam arah melawan arus air sungai. Kepala ketua keluarga itu menghadap kearah matahari naik. Ketiga-tiga kepalan itu kemudian dibawa tidur bersama-sama; satu diletakkan di atas perut, satu di kepala dan satu kepalan lagi di kaki. Sebelum tidur dikehendaki membaca fatihah sekali, Qulhuallah sekali dan Ya-anzalna sekali. InsyaAllah, ketua keluarga itu nanti akan mendapat alamat (mimpi) dalam tidurnya nanti samada tapak tersebut sesuai atau tidak untuk pembinaan.

Pemilihan Masa Pembinaan

Untuk memilih masa yang sesuai, penduduk di sini pada zaman dahulu melihat dari Kitab Tajul Muluk. Bulan-bulan yang dipilih selalunya ialah bulan Safar, Rabiulakhir, Jamadil Awal, Shaaban, Ramadhan, Zulkaedah dan Zulhijjah.

Memilih Kayu

Dalam pemilihan kayu, masyarakat Melayu memilih kayu yang baik dan kuat. Terutama sekali dalam pemilihan kayu untuk tiang dan rasuk-rasuk, kayu cengal atau damar laut digunakan. Kayu merbau dan rengas walaupun kuat tetapi tidak digunakan kerana dipercayai berhantu pada kayu merbau dan beracun pada kayu rengas.

Apabila mereka hendak menebang kayu-kayu itu, batang kayu itu ditakuk dahulu dengan parang dan air yang keluar dari batang kayu itu diperhatikan:

- kalau air merah yang keluar, air itu dibiarkan kering baru ditebang.
- kalau air yang keluar berbuih-buih, kayu itu ditebang di masa itu juga. Ini dipercayai akan memberi kemewahan kepada penghuni.

Mencari pokok cengal yang tua adalah arak susah juga. Kerja-kerja mencari yang dilakukan oleh penduduk bramai-ramai dan ini kadang-kadang mengambil masa antara satu hingga dua tahun. Mereka pergi ke hutan di hulu sungai dengan membawa sedikit bekalan. Dengan datang beramai-ramai ini mereka dapat menakutkan binatang-binatang buas di hutan dari meganggu kerja-kerja gotong royong mereka. Kayu-kayu ini dikumpulkan banyak-banyak dan dikeluarkan dari dalam hutan dengan menggunakan gajah untuk menarik kayu tersebut. Kayu-kayu itu kemudiannya dihanyutkan ke sungai dan apabila sampai di kampung mereka kayu itu ditarik keluar. Kulitnya dibuang dan kayunya dibiarkan berjemur sehingga cukup kering barulah boleh digunakan.

Untuk kerja pembinaan seperti membuat tiang, bendul, rasuk dan sebagainya, pepatil dan kapak digunakan untuk menarah dan memotong

kayu-kayu tersebut. Itulah sebabnya kebanyakan rumah-rumah masyarakat Melayu dahulu mempunyai kerangka rumah yang tidak licin.


Sistem Ukuran

Sistem ukuran masyarakat dahulu adalah berbeza dengan sekarang. Oleh kerana pada masa dahulu tidak mendapat sebarang penyukat, maka penduduk di sini menggunakan 'proportion' badan mereka dalam menentukan tinggi, lebar pintu, tingkap dan sebagainya. Walaupun begitu masyarakat Melayu ini ada membuat sejenis bahan penyukat yang dinamakan Tali Sifat seperti yang ditunjukkan dalam rajah 2.

Sistem ukuran yang digunakan ialah:


- 1) Depa - 167 cm
- 2) Hasta - 46 cm
- 3) Jengkal - 19 cm
- 4) Ketuk - 30 cm
- 5) Tapak tangan - 10 cm
- 6) Empat jari - 8 cm
- 7) Tiga jari - 6 cm
- 8) Dua jari - 4 cm

Kesemua sistem ukuran ini dapat dilihat dengan jelas lagi dalam rajah 3.




TALI SIFAT

Rajah 2




SISTEM UKUR-MENGUKUR TRADISIONAL

3) Jengkal




4) Ketuk



7) 3 jari




5) Tapak



6) 4 jari



8) 2 jari.



Memilih hari untuk memulakan pembinaan

Hari Ahad dikira baik untuk masa hadapan tetapi empunya rumah mesti berkorban untuk penunggu pokok yang ditebang.

Hari Khamis dan Jumaat boleh juga dibina rumah itu, tetapi salah seorang daripada keluarga mungkin meninggal apabila rumah itu siap nanti. Hari-hari lain dikira tidak eluk untuk dilakukan kerja-kerja pembinaan kerana dipercayai membawa kebinasaan, dan kurang rezeki.

Tiang seri dianggap penting dalam sesbuah rumah itu. Ia merupakan simbol sesuatu kekuatan dan dipercayai rumah yang mempunyai tiang seri yang baik, ianya terselamat dari segala malapetaka seperti kebakaran dan juga gangguan dari hantu dan syaitan.

Penduduk Sayong mempunyai kepercayaan mereka yang tersendiri untuk memilih tiang seri itu. Beberapa tiang yang telah dipilih untuk digunakan dalam pembinaan nanti, dibaringkan ketenah tetapi terjongkit di satu hujung (dialas dengan kotak atau batu-batu) dan menyentuh tanah dihujungnya yang satu lagi. Tiang-tiang ini diketuk dan bunyi yang dikeluarkan diteliti dengan berhati-hati. Yang mana yang mengeluarkan bunyi yang nyaring akan digunakan sebagai tiang seri.

Permulaan pembinaan rumah

Setelah tapak yang sesuai didapati dan hari serta masa yang eluk sudah ditetapkan, tanah pun mula dibersihkan. Tanah lembut ditanamkan kayu atau batang-batang kelapa untuk mengelakkan kegelinciran.

Tiang seri merupakan tiang yang akan ditanam pada permulaan pembinaan, pada hari yang ditetapkan. Kerja-kerja pembinaan dilakukan pada pukul tujuh pagi. Sebelum tiang seri didirikan, pengorbanan berupakan penanaman syiling emas, syiling perak atau tembaga dibawah tapak lubang tiang seri dilakukan. Jika ini tidak dilakukan menurut kepercayaan, penghuni rumah itu akan ditimpa bala. Ini juga dilakukan untuk menghidupkan semangat rumah.

Selain daripada itu menurut kepercayaan, ketua rumah dan isterinya mestilah memberi sumbangan tenaga mereka didalam mengangkat dan menegakkan tiang seri itu. Walaupun mereka tidak mengangkatnya, memadailah kalau mereka menyentuh atau memegang sahaja tiang seri itu apabila ia didirikan.

Selepas tiang seri itu didirikan, kenduri akan diadakan. Semangkuk tepung beras, air dan daun tawar Cina disediakan dan dijampi.

Tepung beras dicampur dengan beras kunyit dan ditabur diatas tapak rumah. Kemudian baharulah tiang yang lain didirikan. Di puncak tiang seri selalunya dilapikkan atau dipakukan kain-kain berwarna merah, hitam dan putih. Ini dikatakan akan menolak bala dan menambahkan rezeki.

CORAK PERNULAAAN PERKAMPUNGAN RAJA DAN PENGIKUTNYA

Apabila Sultan Mansur Shah I' (1528 - 1549) mudik didalam Sungai Perak untuk mencari tempat yang sesuai di sana, baginda berjumpa dengan satu kawasan yang agak menarik. Ia merupakan tempat pertemuan Sungai Kangsar dan Sungai Perak. Beliau memilih tebing yang di sebelah kanan mudik Sungai Perak kerana mengikut perjanjian di antara Sultan Muzaffar Shah dan Tun Saban yang diikhtirafkan merintah di sebelah kiri mudik. Lagipun tebing di sebelah kanan mudik itu lebih rendah dan cetek airnya dan mudahlah bagi rakyat mandi dan membasuh.

Dengan itu bolehlah dikatakan bahawa perkampungan di Sayong ini bermula dari istana yang didirikan oleh Sultan pada kurun yang ke 16 dahulu. Dari istana ini berkembanglah lagi bangunan-bangunan lain seperti rumah-rumah, wakaf dan sebagainya yang akan diterangkan kemudian.

Bahan-bahan untuk rumah ini memang banyak didapati pada masa itu. Menurut buku "Perak and the Malays", dikawasan-kawasan tanah rendah dan kawasan paya banyak didapati pokok-pokok nipah (dibuat atap), nibong (dibuat lantai dan tiang), buluh (lantai, perahu, rakit, pengangkut air, pagar, dll).

Kayu Meranti, Kayu Jempor, Chengal dan Damar Laut juga banyak didapati di hutan-hutan. Pemilihan tapak untuk istana ini juga ditentukan oleh seorang pawang raja. Gambaran tentang istana di kala itu tidaklah dapat digambarkan dengan tepat. Tetapi menurut cerita lisan, Encik Mohammad Yassim menyatakan bahawa bentuk istana itu adalah sama dengan bentuk rumah rakyat biasa iaitu bentuk Rumah Bumbung Perak atau Rumah Kutai. Penulis akan menyentuh dengan lebih mendalam lagi tentang Rumah Bumbung Perak ini di bab-bab yang akan datang.

Walaupun begitu pembahagian ruang-ruang istana ini sudah tentulah berlainan kerana tugas-tugas Sultan terhadap rakyat dan perhubungan baginda dengan pembesar-pembesar. Seperti yang telah disebutkan dahulu, Sultan berfungsi sebagai ketua negara dan mempunyai kuasa dalam segala hal. Rajah 4 menunjukkan illustrasi istana Sultan Ali Al-Mukammal Inayat Shah di Sayong seperti yang telah digambarkan oleh Encik Mohammad Yassim dan juga digambarkan dari buku "History of Perak". Pelan istana tersebut dikira wujud oleh penulis antara 1860 - 1880 iaitu sesuai dengan percakapan Encik Mohammad Yassim dan buku "History of Perak".

Penunjuk bagi Rajah 4:

A' - Serambi belakang

- A - Ruang duduk rakyat semasa permesyuaratan dijalankan. Ini memang menjadi adat Raja dahulukala membenarkan rakyat melihat permesyuaratan mereka walaupun rakyat tidak dibenarkan masuk campur. Hanya kalau perlu sahaja rakyat dibenarkan.
- B - Istana : Kawasan larangan Sultan. Di sini dibuatkan bilik-bilik mungkin dari tabir sahaja.
- C - Balai Rong Dalam. Kawasan ini dikhaskan untuk wanita. Tambahan lagi pada masa pemesyuaratan Sultan dengan pembesar negara (Orang Kaya 4, Orang Kaya 8, Orang Kaya 16 dan Orang Kaya 32), isteri-isteri mereka duduk di bahagian yang berkenaan.
- D - Balai Besar. Di sini merupakan tempat Sultan berbincang dan bermesyuarat dengan pembesar-pembesar negeri.
- E - Singgahsana. Iaitu tempat Sultan bersemayam.
- F - Pelantar atau peterana. Tempat anak lelaki Sultan duduk.
- G - Bilik kundang. Merupakan bilik untuk anak kundang/suruhan Sultan.
- H - Balai Penghadapan. Di sini tempat Sultan melayan permintaan dari rakyat jelata; iaitu Ruang Penghadapan Rakyat.
- I - Dapur. Untuk tujuan memasak dan menyimpan air.
- J - Selang. Perantaraan di antara rumah ibu dengan rumah dapur. Kadang-kadang terdapat tangga untuk orang perempuan turun naik.



1 - 4 : Tiang sudut

5 - 8 : Tiang Rembat Guntong

9 - 10 : Tiang tinggi

Dari pelan yang sudah diterangkan tadi di dapati bahawa tata aturnya adalah agak menarik, tetapi sayangnya kesannya tidak ada lagi di sini. Menurut ceritanya, kesannya telah hapus sama sekali setelah beberapa kali dilanda banjir.

Pandangan sisi bagi istana sultan dalam rajah 4 adalah imaginasi penulis. Seperti yang telah dikatakan tadi bahagian ibu dan rumah dapur adalah sama seperti Rumah Bumbung Perak yang dibina oleh rakyat untuk kediaman mereka. Cuma di bahagian hadapan disambung dengan balai rong dalam, balai besar dan balai penghadapan untuk memenuhi fungsi-fungsi yang telah disebutkan tadi. Di sekeliling istana itu dipagar dengan pagar buluh. Buluh-buluh ini diatur berdiri rapat dan diikat dengan rotan. Tingginya ialah lebih kurang 5 kaki. Kawasan dalam pagar ini digelar Kota Raja. Luasnya kadang kala mencapai sehingga 12 ekar. Di empat-empat penjuru kota ini terdapat empat buah rumah yang didirikan untuk kediaman Orang Besar Empat. Rumah-rumah untuk Orang Besar Lapan, Orang Besar Enam Belas, dan Orang Besar Tiga Puluh Dua juga didirikan di sekeliling kawasan



PELAN ISTANA

Rajah 4.

istana tetapi diluar kota raja itu. Kesemua rumah orang besar-besar ini bahagian depannya diorientasikan menghadap ke istana Sultan. Ini menunjukkan sebagai taat setia dan sedia berkhidmat kepada raja.

Perlu disebutkan di sini bahawa rumah orang-orang besar ini hanyalah merupakan rumah persinggahan sahaja selain dari rumah Orang Besar Empat. Rumah-rumah ini hanya diduduki apabila semua pem-besar-pembesar dari semua daerah berhimpun mungkin kerana adanya upacara-upacara tertentu misalannya Sultan mangkat dan Sultan baharu ditabalkan, Sultan berkahwin dan sebagainya.

Rumah untuk Imam Paduka Tuan berupa rumah yang agak penting kerana di sinilah tempat anak-anak raja itu diajar mengaji Al-Quaran.

Dari kota raja itu, kita beralih pula kepada rumah-rumah rakyat yang di dapati di sepanjang sungai di kiri dan kanan kota raja itu. Pada masa dahulu masyarakat Melayu di sini memberi nama-nama yang tersendiri bagi arah mata angin mereka iaitu:

- Kawasan yang menghadap atau hampir dengan sungai di namakan 'baruh'.
- Kawasan yang jauh sedikit dari sungai (berhampiran bukit dan hutan) dinamakan 'darat'.

- Kawasan yang terletak di hulu sungai dinamakan 'hulu'.
- Kawasan yang terletak di hilir sungai dinamakan 'hilir'.

Untuk memudahkan jalinan cerita biarlah penulis menggunakan nama-nama diatas untuk membentangkan polar perancangan perkampungan ini.


Dari dalam rajah 6 didapati bahawa pada permulaan penempatan ke semua bangunan-bangunan iaitu kota raja, rumah rakyat dan surau serta masjid berada di baruh. Ke darat sedikit didapati sawah-sawah padi.

Rumah-rumah rakyat ini seboleh-bolehnya dibina di sepanjang sungai untuk kemudahan air minum, air mandi dan untuk basuh membasuh.

Bahagian hadapan dan pintu rumah kesemuanya menghadap ke sungai.

Ini sudahlah dimaklumi bahawa rumah orang-orang Melayu selalunya menghadap ke jalan perhubungan. Adalah menjadi pantang larang bagi pintu masuk hadapan rumah-rumah di sekitar kampung ini (juga kampung-kampung di sekitar Kuala Kangsar seperti Kota Lama Kanan dan Kota Lama Kiri) menghadap ke hulu sungai Menurut cerita, sesiapa yang berani melanggar pantang larang ini akan diganggu oleh jin penunggu.

Pada kurun ke 16 dahulu rakyat kampung ini tidak ramai, dengan itu rumah-rumah adalah jarang diantara satu sama lain. Sultan memberi




Pelantar dari buluh
yang diperbuat un-
tuk membasuh dan
mandi manda.

SUNGAI

Illustrasi persekitaran kota raja.

Rajah 5.

43



Polar perancangan kampung di peringkat permulaan.

Rajah 6.

...44

kebebasan kepada rakyat untuk meneroka kawasan rumah mereka sendiri. Setengah-tengah rumah kawasan sekelilingnya hampir kepada 3 - 5 ekar baharulah didapati rumah yang lain pula. Ini mungkin disebabkan oleh kecenderungan ketua rumah tersebut untuk meluangkan ruangan bagi pembinaan rumah-rumah anak-anaknya yang akan dewasa dan kahwin nanti.

Tuan-tuan rumah itu tadi mengusahakan kawasan disekitar rumah mereka, menebang dan menebas pokok-pokok yang tidak berguna dan menanam pokok-pokok buah-buahan seperti mangga, durian, manggis, rambutan dan sebagainya. Di hadapan rumah itu dibiarkan terang sedikit tanpa apa-apa pokok atau rumput-rampai. Kawasan ini disebut halaman rumah.

Di penjuru kiri atau kanan halaman rumah ini biasanya terdapat satu pondok kecil untuk menyimpan padi yang dipanggil 'kepok padi'. Selain daripada itu, satu kawasan kecil di belakang rumah di pagar dengan buluh untuk binatang-binatang ternakan.


Masjid merupakan satu bangunan yang penting di dalam komuniti Melayu yang beragama Islam. Masjid selalunya didirikan di tengah-tengah perkampungan untuk kemudahan orang ramai bersembahyang berjama'an. Rupa bentuk masjid ini digambarkan sama dengan masjid-masjid yang

terdapat di Melaka iaitu mempunyai bumbung yang bertingkat tiga. Ini tidaklah mustahil kerana sememangnya Sultan Perak berasal dari kesultanan Melaka. Ini juga berupakan pengaruh dari Aoeh. Penulis tidaklah berminat untuk menceritakan dengan panjang lebar tentang rupa bentuk masjid ini kerana maklumat-maklumat yang mendalam mengenai masjid serupa ini sudah banyak ditulis orang. Walaupun begitu suka penulis nyatakan disini bahawa pembinaan masjid tersebut juga menggunakan bahan-bahan tempatan seperti berdindingkan tepas dan kelarai, penggunaan buluh untuk lantai dan sebagainya.


PERKEMBANGAN SENIBENA DAN POLAR PERANCANGAN KAMPUNG SAYONG SEPELAH
BERKEMBANGNYA PENDUDUK.

Apabila penduduk-penduduk kampung semakin lama semakin bertambah dan komuniti kampung itu menjadi lebih besar maka bangunan-bangunan lain seperti surau, rumah tok guru, wakaf, gelanggang dan pasar mula difikirkan orang (rajah 7 & 8). Polar perkampungan juga telah berubah yang mana kalau dahulunya rumah didirikan jarang-jarang antara satu sama lain kini telah menjadi rapat-rapat sekali. Rumah-rumah anak yang telah berkelamin selalunya didirikan rapat-rapat di sekeliling rumah bapa mereka. Rajah 9 menunjukkan bagaimana susunan rumah-rumah yang didirikan oleh anak-anak mengelilingi rumah bapa mereka.

Anak yang sulung yang telah berkahwin akan mendirikan rumah di hadapan rumah bapa. Anak yang kedua pula akan membuat rumah di sebelah kanan. Rumah di sebelah kiri didirikan oleh anak yang selanjutnya. Anak-anak perempuan akan diberi tinggal dirumah bapa itu sendiri nanti. Kalau keluarga itu tidak mempunyai anak perempuan, rumah itu akan diberi kepada anak yang bongsu sekali. Walaupun begitu, rumah anak sulung mesti berada dihadapan rumah-rumah yang lain. Ini mungkin menjadi sebagai pelindung kepada adik-adiknya



Penambahan penduduk: Rumah menghadap ke sungai menjadi rapat-rapat dan bila tak ada tapak lagi, rumah mula dibina pula menghadap ke jalan raya.



• Semua rumah menghadap ke hadapan.

yang lain dan beliau akan menghalang dan menjawab pertanyaan-pertanyaan dari musuh atau orang-orang yang tidak dikenali dari memasuki kawasan-kawasan rumah mereka. Dengan cara pembinaan rumah yang rapat-rapat oleh adik-beradik ini keluarga mereka mesra dan saling bantu-membantu dalam kesusahan. Begitulah seterusnya rumah-rumah bagi kumpulan keluarga ini akan bertambah dari semasa ke semasa apabila cucu-cicit mereka telah dewasa dan membuat rumah sendiri.

Lama-kelamaan dengan bilangan rumah yang semakin bertambah, tapak yang berhampiran dengan tebing sungai tidak ada lagi. Rumah-rumah didirikan pula jauh ke darat (jauh dari tebing sungai). Apabila keadaan ini berlaku, telaga sudah mula dibina untuk kemudahan keluarga yang duduk jauh dari sungai. Di kawasan yang tanahnya rendah, apabila dikorek sedalam 20 kaki, air sudah mula ditemui. Tetapi di setengah tempat telaga terpaksa dikorek dengan lebih dalam untuk mendapatkan air. Setengah-setengah telaga akan kering pada musim panas dengan itu di dalam sebuah kampung itu terpaksalah digali dua atau tiga telaga yang kekal airnya dimasa musim kemarau untuk dikongsi beramai-ramai. Air telaga ini hanya digunakan untuk minum dan basuh-membasuh sahaja kerana orang-orang yang tinggal jauh ke darat ini masih suka berjalan ke sungai

untuk mandi. Telaga ini biasanya di dindingi dengan atap rembia atau atap bertam. Ia biasanya terletak di sebelah belakang rumah iaitu dalam jarak kira-kira tidak lebih dari 15 meter. Telaga ini selalunya dikongsi beramai-ramai oleh penghuni rumah-rumah di sekelilingnya. Terdapat juga telaga yang dibuat jauh di sudut tepi rumah dan tidak di hadapan rumah kerana ia berhubung rapat dengan adat resam orang Melayu yang mementingkan penghormatan bagi tetamu yang berkunjung ke rumah tidak terdedah kepada pandangan anak gadis yang mandi di telaga.

Di sekeliling telaga ini kadang-kadang ditanam pokok kantan kerana ia cepat membiak di air. Pokok ini menjadi perlindungan dari terbuka kepada orang ramai. Air yang di dapati dari telaga ini ditapis untuk membuang mendak-mendak yang keruh. Air itu ditapis dengan cara membiarkan air itu melalui batu-batu yang telah disusun di dalam satu tong yang besar. Batu yang paling besar disusun di atas sekali dan di bahagian bawah sekali ialah pasir yang halus. Air yang sudah ditapis akan menjadi kerana kekotorannya telah terlekat pada batu-batu tersebut. Pada masa ini penduduk-penduduk sudah bertamaddun. Mereka sudah pandai membuat matawang dari logam-logam seperti tembaga, perak dan emas. Dengan itu jual-beli sudah mula diamalkan. Pasar-pasar sudah mula dibina

di tebing sungai kerana memberi kemudahan kepada peniaga-peniaga luar dan penduduk-penduduk kampung itu sendiri. Pasar-pasar itu lebih merupakan bangsal-bangsal yang dibina dan dikumpulkan di sesuatu kawasan yang sesuai. Seperti hari ini, penduduknya sudah pandai membeli keperluan harian mereka di pasar itu tadi.

Selain daripada masjid, surau juga memainkan peranan yang penting di dalam penghidupan kampung. Oleh kerana raja dan rakyat mengambil berat tentang hal ehwal ugama, surau ini juga berfungsi sebagai tempat mengajar budak-budak mengaji Quran dan pelajaran ugama. Surau ini selalu dibina di kawasan yang jauh dari masjid.

Kesemua bangunan-bangunan ini menggunakan bahan-bahan binaan asli yang telah disebutkan. Simen mula digunakan oleh masyarakat Melayu ini pada tahun 1840 iaitu digunakan di masjid-masjid dan di kota-kota raja untuk membuat istana dan sebagainya. Cuma pemakaianya tidaklah secara menyeluruh iaitu hanya untuk lapis tiang dan kolah atau kolam yang digunakan untuk mengisi air di masjid. Menurut cerita Enoik Halim Nasir, seorang ahli sejarah di Museum Negara, simen yang digunakan pada masa dahulu bukanlah seperti yang di dapati sekarang. Pada masa dahulu simen dibuat dari putih telur dan manisan lebah. Raja memerintahkan rakyatnya mencari manisan lebah dan membawa telur-telur seorang sebakul untuk tujuan ini.

Selain daripada itu kapur yang dibuat dari kulit kerang juga dicampur untuk menguatkan lagi pengikatan simen tersebut.

Rumah tok guru juga dibina khas untuk guru ugama yang mengajar dari satu kampung ke satu kampung yang lain. Apabila tok guru itu singgah di kampung itu maka di situlah ia akan bermalam. Tugas tok guru itu ialah mengajar penduduk-penduduk itu dengan lebih mendalam lagi tentang hal-hal ugama. Tentang balasan tok guru yang mengajar itu, orang-orang kampung selalu menderma beras dan lain-lain keperluan untuk tok guru itu.

Di dalam kampung Sayong ini juga terdapat satu binaan yang digelar wakaf. Ia berupa satu tempat persinggahan bagi orang-orang yang berulang-alik, mungkin dari masjid, surau, dari mengadap sultan, dari sungai atau pasar. Biasanya ada dua atau tiga buah wakaf dalam sesuatu kampung itu. Apabila orang-orang ini singgah untuk menghilangkan penat di wakaf ini mereka akan berbual dan bertanya kabar masing-masing.

Satu lagi perkara yang menarik yang terdapat di kampung itu ialah gelanggang silat. Seperti yang kita ketahui Sultan pada masa itu tidaklah mempunyai tentera-tentera yang terlatih seperti sekarang ini. Maka rakyat lelaki selalunya diajar silat untuk mempertahankan

kampung dan negara bila diperlukan nanti.


Gelanggang silat ini berupa satu kawasan lapang yang dipagar dengan buluh atau dinding tepas. Begitu juga dengan pintu selalunya diperbuat dari anyaman tepas juga seperti halnya dengan pintu rumah-rumah penduduk di situ. Mungkin tidak ada apa yang menarik mengenai gelanggang ini tetapi penulis hanya ingin membentangkan tentang wujudnya ia dalam memeriahkan lagi suasana dan menambahkan lagi aktiviti penduduk-penduduk di situ.

Walaupun jalan raya tidak wujud di kampung Sayong itu, namun begitu oleh kerana penduduk-penduduk berjalan berulang-alik ke sesuatu tempat maka lama-kelamaan terjadilah lorong-lorong yang menghubungkan tempat-tempat penting dengan rumah kediaman. Tempat-tempat penting yang dimaksudkan adalah seperti sungai, masjid, kota-raja, surau, gelanggang, rumah tok guru dan sebagainya. Lorong utama yang melalui kesemua tempat-tempat tersebut diatas dibina oleh penduduk-penduduk itu selebar 2 meter lebih. Walaupun pada masa itu masih belum wujud lagi kenderaan seperti basikal sekali pun, tetapi ramai penduduk-penduduk yang menggunakan jalan itu. Dengan itu lama-kelamaan rumah-rumah yang baharu didirikan di darat tidak lagi menghadap ke sungai malah menghadap ke jalan utama itu


tadi. Memanglah agak logik jika difikirkan adalah tidak manasabah kalau kita memdirikan rumah dengan dapur menghadap ke jalan yang sentiasa dilalui orang. Selain daripada itu untuk menghormati tetamu maka wajarlah hadapan rumah menghadap ke jalan raya.



Bari an selari rumah Bumbung Perak. I berhadapan dengan jalan raya yang dahulunya jalan tanah dan lebarnya hanyalah lebih kurang 2m sahaja dan sesuai untuk kenderaan tidak bermotor dan berjalan kaki. Juga kelihatan belum tan seorang dengan puluh di sebelah kiri rumah tersebut.



Samouang tindih k sih pada kayu kepala tiang (aling panjang), betul-betul terlekat di atas hujung tiang. Ini terdapat pada rumahnya.



Tidak secepat perang serambi jatuh - antara faktur-faktur
yang berdatangi netral rumb rakyat dari jenis rumah bimbung
Persek.


PERBEZAAN RUMAH RAJA DAN RAKYAT

Kebanyakan pembesar-pembesar iaitu Orang Kaya Empat dan Orang Kaya Lapan adalah dari keturunan raja-raja. Rumah pembesar-pembesar ini adalah berlainan dari rumah rakyat biasa dari segi beberapa aspek yang disebut di bawah:

- 1). Serambi bagi rumah orang kebanyakan, lantainya adalah jatuh sedikit dari lantai ibu rumah yang lain. Menurut En. Mohd. Radhi, rumah-rumah raja sahaja yang mempunyai bendul yang memisahkan bahagian ruang bagi orang-orang biasa yang datang membuat pengaduan, ruang orang-orang yang penting dan ruang orang-orang perempuan.
- 2). Dari segi bentuk tiang, tiang di rumah-rumah raja berbentuk segi empat sedangkan rumah orang kebanyakan tiangnya bersegi lapan. Ini dapat di lihat dari gambar foto di muka sebelah.
- 3). Bagi orang-orang kebanyakan kepala tiang atau alang papan, tidak dibenarkan dibina dari kayu yang panjang. Walaupun terdapat kayu yang panjang, kayu itu mestilah dikerat dan kemudiannya disambung semula dengan sambungan tindih kasih. Jika sekiranya rakyat melanggar perintah itu maka rumahnya akan dirampas.

- 4). Langkan (balcony) rumah rakyat mesti disokong dengan tiang walaupun langkan itu boleh dibina cantilevered. Sekiranya rakyat tidak berbuat sedemikian maka ia akan dianggap mendheraka.
- 5). Rumah raja-raja dan pembesar-pembesar selalunya diukir - iaitu di bahagian tiang, tunjuk langit, papan fascia, dan bendul. Walaupun begitu rumah-rumah yang penulis sudah jelajahi hanya tinggal rumah biasa sahaja. Dahulu di Sayong ada juga terdapat rumah yang menarik bentuknya tetapi telah banyak diruntuhkan ataupun dilanda banjir.
- 6). Ruang-ruang rumah raja selalunya lebih besar lagi dari ruang-ruang yang terdapat di rumah rakyat. Bentuk rumah mereka sama dan bilangan tiang juga sama. Cuma jarak antara tiang-tiang sahaja agak besar dari rumah rakyat.
- 7). Rumah persinggahan orang-orang besar dahulu kebanyakannya berhampiran dengan istana. Pintu masuk untuk rumah orang-orang besar mestilah menghala ke istana. Dengan itu orientasi rumah-rumah ini adalah berlainan dengan rumah rakyat biasa yang sentiasa menghadap ke sungai atau ke jalan raya.

8). Jika rakyat mahu membesarakan lagi rumah mereka, mereka tidak boleh menyambung rumah dari arah baruh atau darat, (bahagian hadapan atau belakang), tetapi mestilah menyambung di bahagian ke hulu rumah atau ke hilir rumah (kiri atau kanan.)



• sambung n rumah asal Bumbung Perak. Rumah ini ni sambung di
• rumah dan juga di belakang - sambungan bari rumah Raja.

“Maka yang telah penulis sebutkan di atas merupakan pertimbangan

Untuk bagian Jawa yang berada di dalam kerajaan Mataram.

— Sambungan Rumah —




Rumah rakyat — Pemberi menunjukkan sambungan di kiri rumah
dimunggung Persek. Sambungan di depan dan belakang hanya di benarkan
untuk raja-raja. Jenis sambungan di sebut *ujah menyusu*.

PENGARUH PENGARUH TERHADAP RUMAH BUMBUNG PERAK


Seperti yang telah penulis sebutkan di dalam asal-usul penduduk di daerah Sayong ini, juga tentang sejarah ringkasnya maka di dapati bahawa rumah Bumbung Perak ini banyak dipengaruhi oleh senibina rumah orang Aceh dan Bugis. Orang-orang Aceh dan Bugis pada masa dahulunya banyak memainkan peranan mereka dalam hal ehwal peperangan dan pemerintahan di negeri Perak. Aceh, seperti yang diketahui telah beberapa kali menakluki Perak dan Bugis telah menjadi askar upahan Perak dan juga telah menjadi panglima perang dalam angkatan tentera Perak. Misalannya Daeng Merewah dan Daeng Selili merupakan orang harapan raja di Kota Lama Kanan dan di Sayong pada satu ketika dahulu.

Oleh kerana itulah maka istana-istana, rumah-rumah orang besar dan rumah rakyat banyak dipengaruhi oleh senibina dari Aceh dan Bugis.

Cuba kita tinjau rumah asas di Aceh pada zaman dahulu, (rajah 10). Rumah Aceh berkolong dan tinggi dari tanah adalah antara 1.5 - 2.0 metre. Ibu rumah mempunyai 16 tiang, mempunyai selang seterima rumah Bumbung Perak juga. Ruang dapur selepas ruang selang, dan mempunyai ruang serambi yang bertutup.



Keratan Sisi




Pelan Rumah Aceh

Rajah 10'.




34. Lumbung padi di anjungan Aceh-TMI.



35. Rumah besar di Gayo.

Lagi gambar rumah Aceh.

Rajah IO.



Kerektur-kerektur di atas kesemuanya terdapat di dalam rumah

Bumbung Perak cuma yang berlainan di sini hanyalah:

-Rumah Aceh mempunyai paras lantai yang tinggi dan rendah (lihat gambar).

-Rumah Aceh mempunyai dua bilik di bahagian tengah ibu rumah.

-Kecerunan bumbung rumah Aceh agak landai dari bumbung rumah Bumbung Perak.



-Bumbung di bahagian dapur bagi rumah Aceh lebih ringkas iaitu hanya merupakan bumpung pisang sesikat sahaja.

Ditinjau dari segi konsep penggunaannya adalah lebih kurang sama dengan rumah Bumbung Perak. Ruang pertama merupakan serambi yang tertutup, khusus untuk kaum lelaki berihat. Ruang kedua khas untuk keluarga dan kenalan rapat sahaja. Rumah Bumbung Perak tidak mempunyai bilik di bahagian ini tetapi cuma dipisahkan oleh bendul ataupun perbezaan paras lantai bagi rumah rakyat. Ruang yang ketiga khas untuk kaum perempuan. Rumah orang Aceh juga kadang-kadang terdapat tangga di selang yang digunakan untuk kaum perempuan naik tanpa melalui serambi.

Seperti yang penulis telah nyatakan, rumah Bumbung Perak adalah pengaruh Aceh dan Bugis. Dalam tinjauan yang lain pula, rumah-



Dua buah istana di Sulawesi
Selatan; Istana Sulatan Goa dan
dan Sultan Bone.



Rumah orang biasa di daerah Makasar.

Rajah II.

PERKEMBANGAN KAMPUNG DI ABAD KE 19 DAN KE 20 DAN KESAN-KESAN
NYA TERHADAP SENIBINA

Di bawah tajuk ini penulis akan memperlihatkan perkembangan dan perubahan perkampungan yang telah dijelaskan sebelum ini. Ini berlaku diabad ke 19. Pada masa itu pengaruh-pengaruh Belanda dan Inggeris telah membawa suasana yang baharu didalam kampung itu. Teknologi moden seperti letrik, air paip dan jalan perhubungan yang menghubungkan kampung ke bandar-bandar juga telah merubah cara hidup penduduk-penduduk kampung.

Sawah-sawah kebanyakannya telah terbiar dan kepentingan sungai sebagai sumber utama air, perhubungan dan sebagainya telah lesap sama sekali. Penduduk-penduduk kampung juga telah bertambah dari semasa ke semasa tetapi ramai anak-anak muda telah bekerja makan gaji di bandar. Mereka mengirim wang bagi ibu bapa mereka di kampung dan dengan wang itu, rumah-rumah lama diperbaiki mengikut bentuk-bentuk rumah yang diperkenalkan oleh bangsa-bangsa asing.

Cara hidup secara bergotong royong tidak diamalkan lagi, masing-masing menjaga hal ehwal diri sendiri sahaja. Wakaf dan gelanggang yang merupakan satu binaan yang dibina sedikit masa dahulu juga



Sambungan dan ubah suai keatas rumah Bumbung Perak dengan menggantikan bahannya dengan alat-alatan moden. Kelintan rumah-tangga (anjung) yang disambung di bahagian ibu rumah dan sambungan di bahagian bawah dapur. Rumah ini pada masa dahulunya menghadap ke sungai dan bahagian dapurnya menghadap ke jalanraya tetapi telah diubah susulan, yakni tangga anjungnya menghadap ke jalan rayah.

... lepas akibat perubahan cuaca yang tidak wajar. Sama halnya dengan lagi. Kebakaran punca seperti ini, hasil dari keadaan berbinia tidak ada pengetahuan tentang bagaimana mencegah dan mengelakinya.

• Rumah Bumbung Perak ini merupakan rumah tradisional



• Rumah Bumbung Perak ini merupakan rumah tradisional yang menggunakan atap rembia dan sisi kayu di luaran, namun pada bahagian dalam dinding dan

Sebuah rumah Bumbung Perak yang menggunakan atap rembia.

Kelihatan telaga yang didindingi dengan nipah di bahagian dapur rumah yang tidak kelihatan.

telah lesap akibat pertukaran cara hidup yang mana wakaf tidak berfungsi lagi. Kenderaan moden seperti kereta, bas dan sebagainya yang berinjin tidak lagi mengambil masa yang lama untuk menuju ke sesuatu tempat, yang mana wakaf tidak lagi diperlukan untuk berhenti rihat. Gelanggang yang dahulunya diperlukan untuk belajar silat, juga tidak dipraktikkan lagi kerana adanya alat senjata moden untuk pertahankan diri serta banyak masa digunakan untuk bermain bolasepak, badminton dan sebagainya. Lagi pun Sultan tidak lagi bersemayam di Sayong tetapi di seberang kiri mudik Sungai Perak pula iaitu di Bukit Chandan. Begitu juga pasar di tebing Sungai Sayong sudah tidak ada lagi kerana pembukaan bandar Kuala Kangsar yang mempunyai bangunan-bangunan batu yang di perkenalkan oleh Inggeris. Di sini terdapat banyak kedai-kedai dan barang-barang di jual secara berleluasan. Dengan itu semua penduduk sekarang bertumpu di bandar yang moden ini pula.

Untuk membuat rumah, penduduk tidak lagi bersusah payah untuk mencari kayu di hutan, menganyam buluh untuk dinding, dan sebagainya kerana peralatan moden mula digunakan. Kebanyakan dari mereka lebih suka memesan kayu, simen dan sebagainya dari kilang. Dengan itu secara-cara tradisional membuat atap, dinding dan lantai di anggap remeh.

Bentuk bumbung rumah-rumah tradisi di Sayong juga telah mula di ubah mengikut pengaruh dari Belanda. Pengaruh itu datang secara tidak langsung, iaitu melalui pulau-pulau Riau-Lingga dimana pengaruh Belanda sudah bertapak sejak abad ke 18 lagi. Ianya bukan di bawa sendiri oleh Belanda tetapi di salurkan melalui saudagar-saudagar Melayu yang biasa berdagang dengan saudagar-saudagar Melayu-Riau di awal abad ke 19.

Bentuk yang paling awal dan sederhana dari pengaruh Belanda ialah atap 'perabung lima'. Bentuk asli mempunyai sebuah perabung yang mendatar dan empat menurun ke penjuru-penjuru cucuran atap. Sebagaimana rumah tradisi asli, pelannya berbentuk empat segi bujur, tetapi berlainan dengan rumah tradisi asli, sudut kecerunan atapnya rendah dan landainya bukan tinggi daun curam. Kombinasi dari atap perabung lima biasanya dikenali sebagai 'atap bentuk limas'. Baik atap perabung lima mahupun atap limas tidak mempunyai tibar layar.

Timbulnya kembali kesedaran akan nilai-nilai keindahan bentuk dan kehendak iklim kita yang memerlukan laluan udara terus melalui atap rumah maka timbul pula rekabentuk atap berbentuk 'Potong Perak' dan 'Potong Belanda'. Kedua-duanya mempunyai sudut atap

yang lebih curam sedikit dan mempunyai tiba layar yang kecil dan biasanya dua perabung atap iaitu dihiasi dengan 'buah button' iaitu sepotong kayu bulat yang runcing keatas, kira-kira setengah meter panjangnya..

Di samping itu potong Belanda juga mempengaruhi pada perubahan pada bilik-bilik dan ruang-ruang di dalam rumah. Begitulah halnya dengan pengaruh-pengaruh ini boleh dikatakan kebanyakannya rumah di Sayong telah mengikut bentuk rumah-rumah yang telah disebutkan di atas. Rumah tradisinya hanya tinggal lebih kurang 20 - 30 buah sahaja dan kebanyakannya bahagian rumah itu telah ditukar. Misalnya dinding dan lantai telah ditukar dengan papan dan atap ditukar dengan atap zing atau asbestos. Cuma kerangka rumah sahaja lagi yang menggunakan bahan asli.

Dengan adanya kemudahan paip maka telaga tidak digunakan lagi. Rumah-rumah telah dibina mengikut sesuka hati penduduk dan rapat-rapat. Jalan yang hanya 2 meter lebar dahulu telah diperbesarkan serta ditar untuk kenderaan berinjin dan bukan lagi hanya untuk orang berjalan kaki. Kedai-kedai sudah banyak di dapati. Masjid yang lama telah diganti dengan yang baharu. Ketua kampung di adakan setelah pemerintahan raja di daerah ini berakhir. Rumah

ketua kampung ini terdapat di hilir kawasan Sayong. Menurut ceritanya, rumah ini didirikan di hilir kerana apabila penduduk-penduduk ini hendak ke hilir (ke kawasan kampung lain) maka mereka melalui rumah ketua kampung dahulu. Dengan itu jika terdapat apa-apa kesusahan maka ketua kampung dan orang-orang lain akan mudah menolong.

RUMAH TRADISI DI SAYONG - INDIVIDU

Konsep asas

Sepertimana dengan kebanyakan jenis rumah-rumah orang Melayu tradisi yang lain, rumah Bumbung Perak juga mempunyai ruang-ruang yang di gelar Serambi, Ruang Tamu Perempuan (Ibu Rumah), Selang dan Rumah Dapur Pelantar dan juga Loteng.

Konsep pembinaan rumah seperti ini adalah pengaruh dari cara hidup, adat resam yang telah diterangkan dahulu. Di dalam rumah ini lapang dan luas, tidak banyak beradang atau bilik. Ia menunjukkan perhubungan yang rapat di antara ahli-ahli keluarga dan juga berguna bila berhimpun beramai-ramai untuk kenduri atau menziarah ketika uzur dan sebagainya. Perancangan senibina seperti ini juga mendatangkan jalanan udara yang mudah sesuai dengan iklim negeri ini yang panas.

Pembinaan rumah Bumbung Perak ini selalunya berpanggung dan tingginya dari tanah ialah di sekitar 2 meter. Ia berfungsi seperti:

- a). Menyelamatkan dari air banjir.
- b). Menahan dari kemasukan binatang buas.
- c). Menghindar dari kelembahan - terutama di bahagian dapur kerana

tidak ada pengairan yang teratur bagi air yang digunakan untuk basuh-membasuh dan sebagainya.

- d). Mengadakan perjalanan udara - lantai rumah mereka adalah jarang-jarang diperbuat dari buluh. Kerana ini juga sampah dan sisa-sisa makanan senang disapu ke bawah.
- e). Digunakan untuk mengasapkan nyamuk di malam hari.
- f). Digunakan untuk tempat simpanan barang-barang dan perkakas kerja harian.
- g). Digunakan untuk berihat setelah penat bekerja dan juga sebagai penginapan sementara bagi musafir.

TAPAK DAN BENTUK PELAN

Rumah Bumbung Perak di bentuk dengan pelan yang sangat mudah, ia berbentuk panjang lurus berupa bujur sangkar. Rumah ibu mempunyai kawasan berukuran biasanya 10m x 8m dan rumah dapurnya pula memerlukan kawasan tidak lebih dari 10m x 5.25m. Kawasan bagi rumah Bumbung Perak adalah di sekitar keluasan serantai persegi. Rumah ibu terletak dihadapan sekali yang mengadap ke sungai atau jalan di belakang pulaterletak rumah dapur dan perantaraannya terdapat puja ruang yang disebut selang. Bagi rumah ibu mengandungi ruang-ruang khas yang dinamakan serambi, ruang tamu laki-laki, ruang tamu perempuan dan ruang bilik. Ruang serambi adalah sama paras lantainya dengan paras lantai di ruang yang meliputi rumah ibu. Tetapi di setengah-setengah rumah rakyat ruang serambinya direndahkan lantainya kira-kira sekaki dari paras lantai yang mengandungi ruang bilik dan ibu rumah. Sempadan-sempadan yang menentukan ruang serambi dengan ruang tetamu lelaki dan perempuan ditentukan oleh sebuah bendul timbul yang kira-kira 6cm tinggi dari paras lantai. Bendul itu letaknya memanjang rumah.

Pada masa dulu bendul yang terdapat di dalam rumah itu mempunyai peranan yang tertentu, dari segi adat dan kepercayaan. Pelawat-

pelawat yang berkunjung ke rumah tersebut, bagi pihak lelakinya tidak boleh masuk dan melangkah bendul yang menjadi sempadan antara ruang serambi dengan ruang tetamu lelaki, tetapi bagi tetamu lelaki yang dari kaum keluarga mereka pula soal tersebut tidak pula timbul.

Bagi kaum perempuan pula yang berkunjung ke rumah tersebut memang ada ruang khas yang disediakan iaitu ruang tetamu perempuan. Ruang tersebut dipisahkan oleh bendul juga. Pada waktu-waktu tertentu, ruang tetamu perempuan digunakan untuk menempatkan kaum keluarga yang sakit teruk dan juga kadangkala digunakan untuk menempatkan orang yang baru lepas bersalin. Dengan sebab itulah sebahagian dari lantai pada ruang tersebut dijarangkan lantainya kira-kira 4 cm supaya senang untuk buang air dan juga tempat mandi bagi orang sakit kuat yang tidak terdaya untuk turun mandi di perigi.

Pada masa dahulu di ruang rumah ibu ini tidak mempunyai bilik. Masyarakat Melayu di sini memakai tabir yang di perbuat dari kain untuk mengadang ruang kecil untuk tidur ketua rumah. Perkara yang menarik ialah sebuah pelantar dari kayu cengal digunakan oleh ketua rumah untuk alas tidur. Luasnya ialah 2m x 1m. Ini adalah untuk mengelakkan musuh yang cuba membunuh ketua rumah yang

sedang tidur dengan cara menikam dari lantai di waktu malam hari.

Tidak berapa lama kemudian baharulah orang-orang Melayu pandai membuat bilik. Ruang bilik bagi rumah Bumbung Perak lazimnya terletak di sebelah kiri naik tangga pintu hadapan, ruang ini diberi dinding dan pintunya pula bertentangan dengan ruang tamu perempuan. Terdapat juga tingkap di ruang bilik itu.

Ruang Selang

Ruang Bumbung Perak juga mempunyai selang atau juga disebut selasar. Ruang selang terletak di perantaraan rumah ibu dengan rumah dapur, ruangnya kecil dari ruang serambi, tetapi sama fungsi dengan ruang serambi dan anjung, biasanya pada ruang ini di khaskan untuk menerima tetamu dari kaum perempuan. Ia juga digunakan sebagai tempat menganyam tikar, bakul dan lain-lain kerja tangan perempuan. Lain-lain aktiviti seperti menyediakan persiapan adat perkahwinan membuat bunga telur umpamanya juga menggunakan ruang selang. Pada masa dahulu ruang ini tidak berdinding atau beratap. Menurut Encik Radhi bin Mohd. Said dari Sayong Tengah, sebabnya berlaku demikian ialah kerana hendak mengelakkan rumah ibu dari terbakar

apabila rumah dapur di makan api. Dengan meruntuhkan lantai selang tadi maka sudah tentulah rumah ibu selamat dan sebaliknya. Dengan itu jika berlaku kebakaran penghuni rumah masih ada tempat untuk berlindung sementara menantikan rumah yang terbakar itu di perbaiki.

Ruang dapur yang terletak di belakang adalah tempat untuk menyimpan alat kelengkapan dapur serta masak-memasak. Tempat memasaknya atau dapur adalah dibuat dari tanah yang diletakkan dalam acuan yang dikepung dengan papan, atau bilah pinang, supaya tanah itu tidak tumpah. Ukurannya lebih kurang 30 cm panjang dan 15 cm lebar. Di atas dapur ini di pasang tungku daripada ketul batu. Sering pula terdapat bakul yang tersangkut di atasnya iaitu tempat meletak belacan atau ikan kering, bakul tersebut digantung dengan tali dan diikatkan ke kayu para yang terletak di atas dapur. Tujuan dibuat demikian supaya tikus atau lipas tidak mengganggu makanan tersebut; kerana letaknya disebelah atas dapur yang sentiasa dihidupkan apinya.

Para yang terletak di atas dapur yang biasanya dari jalinan bilah-bilah pinang atau juga pelupuh adalah tempat menyimpan barang-barang makanan dan juga tempat tersebut digunakan untuk menyalai

ikan atau daging. Ada juga para yang dipasang di sudut dinding. Para tersebut dilebihkan keluar dari dinding, dan diberi lantai. Para ini digunakan sebagai tempat menyimpan mangkuk atau juga lain-lain alat perkakas dapur.

Sebuah pelantar biasanya terdapat pada rumah Bumbung Perak, di susut rumah dapur. Lantainya dari batang pinang yang dibelah empat atau batang buluh, juga di belah-belah. Terdapat juga lantai pelantar yang dibuat dari buluh kecil yang tidak dibelah yang repangnya kira-kira 6 cm. Ia adalah sebagai tempat membasuh pinggan mangkuk dan juga menempatkan tempayan air, biasa juga digunakan sebagai tempat menjalankan kerja-kerja seperti memotong daging, menyiang ikan dan boleh digunakan sebagai tempat menyimpan hasil tanaman seperti pisang, buah-buhan dan sebagainya.

TIANG

Tiang memaninkan peranan yang penting dalam kerangka pembinaan rumah. Rumah Bumbung Perak mempunyai enam belas tiang pada rumah ibu dan lapan tiang pada rumah dapur, juga kadangkala di tambah empat batang tiang tongkat pada ruang selang, tiang pada ruang rumah ibu mempunyai empat baris dan masing-masing pula mengandungi empat tiang yang bermaksud api, air, tanah dan angin. Rumah Bumbung Perak yang asli menggunakan tiang bersegi empat yang ditaruh dengan pepatil atau kapak, jadi tidaklah sebegitu halus buatannya dari tiang-tiang rumah sekarang yang telah diketam.

Tiang ibu rumah terdiri dari lapan tiang serambi dan juga lapan tiang panjang. Tiang serambi sama naik letaknya berbaris di dinding muka hadapan dan belakang yang mana di perantaraannya pula berbaris pula tiang-tiang panjang. Dalam kumpulan tiang-tiang panjang itu terdapat pula sebuah tiang yang dipanggil tiang seri. Tiang ini biasanya terletak di sebelah tengah ruang ibu rumah. Adalah menjadi suatu kepercayaan orang-orang Melayu di masa dulu bahawa tiang seri ada mempunyai kuasa-kuasa tertentu dalam menentukan baik atau buruknya rumah tersebut.

LANTAI seputusnya dengan kain. Apabila ada rumah yang dibina, ia akan dibuat lantai dan berdasarkan seperti rumah layar.

Lantai adalah terletak diatas susunan kayu yang dipanggil gelegar dan rasuk pendek. Pada masa dahulu, kayu gelegar ini terdiri dari dahan-dahan kayu yang bulat, yang telah dibuang kulitnya. Kayu-kayu gelegar dan rasuk pendek ini disokong pula oleh kayu rasuk panjang. Rumah Bumbung Perak yang asal, lantainya dibuat dari batang nibung (buluh) atau pinang yang dibelah-belah kira-kira selebar empat jari, kemudian bila ada kemajuan alat bertukang seperti ketam, mereka menggunakan kayu yang berketalam pula.

TIMBUL LAYAR

Asalnya nama Timbul Layar adalah dari nama Tubang Layar. Ia berasal dari perkataan lubang dan kain layar. Orang-orang Perak menyebutnya Timbul Layar manakala di Kelantan ia lebih terkenal dengan panggilan Tubing Layar atau Tibar Layar. Berbentuk tigasegi, letaknya di penjuru bumbung rumah. Hanya rumah Bumbung Perak dan lain-lain rumah berbumbung panjang sahaja yang mempunyai timbul layar. Timbul layar dipasang keluar sedikit dari dinding dan di bahagian ini di biarkan berlubang untuk mendapatkan cahaya dan laluan angin. Tetapi apabila mereka dapati tempias hujan masuk lalu

mereka menutupnya dengan kain. Apabila kain itu ditiup angin, ia kelihatan kembung dan berkibar-kibar seperti kain layar. Nipah mengantikan kain kerana ia lebih tahan dan tidak mudah reput.

LOTENG

Ruang loteng atau peran atau para terletak di permukaan atas rumah ibu. Ianya terletak di sudut tiba layar dan diberi lantai. Untuk menguatkan letak loteng itu maka sebuah kayu dipanggil kayu Naga di pasang di bawahnya. Kayu Naga itu letaknya memanjang bumbung. Bagi menguatkan lagi letak kayu naga itu, di pasang baji dan pasak ke Tunjuk Langit. Kayu Tunjuk Langit pada rumah Bumbung Perak terdapat enam buah semuanya.

Loteng ini digunakan sebagai tempat menyimpan barang-barang seperti dulang-dulang tembaga dan tembikar dan lain-lain barang pusaka. Pada zaman dahulu, loteng ini digunakan juga sebagai tempat tidur anak gadis kerana sudah menjadi kebiasaan di zaman dahulu anak-anak gadis sering menjadi mangsa penculikan apabila pinangan nya ditolak dan kerap juga berlaku anak-anak muda datang di malam hari untuk tujuan mengintai dan sebagainya. Untuk naik ke atas para

atau loteng ini akan dipasang sebuah tangga yang boleh diangkat selepas anak gadis masuk tidur.

BUMBUNG

Bumbung adalah bahagian rumah yang terletak di atas sekali. Bagi rumah Bumbung Perak ia adalah termasuk jenis bumbung panjang atau disebut juga Bumbung Melayu. Biasanya buka kepak bumbung lebih luas dan lebar jika dibandingkan dengan bumbung tiang dua belas yang terdapat di Kelantan dan Terengganu. Bentuknya jika dilihat darisudut penjuru tibar layar akan menampakkan bentuk yang tersendiri, tidak sama dengan lain-lain jenis rumah Melayu.

Ada berbagai-bagai tudungan yang digunakan untuk tudung bumbung. Pada zaman dahulu, atap dari Rumbia, Cucuh, Bertam, Nibung, Ijuk, dan Nipah digunakan tetapi sekarang digunakan sink hasil dari kemajuan alat-alat perumahan. Ia tidak lagi menggunakan kayu kasau betina kerana paku telah diperkenalkan.

LEBAH BERGANTUNG

Seperkara yang menarik mengenai rumah Bumbung Perak ialah mengenai hiasan yang terletak di setiap hujung kayu kepala tiang. Hiasan

tersebut dipanggil Lebah Bergantung. Ia berbentuk bulat bersegi lapan. Menurut kepercayaan, lebah bergantung dianggap sebagai tangkal dan mempunyai rahsia yang tertentu. Mereka percaya jika lebah bergantung itu jatuh ke tanah maka ada alamat yang tidak baik, kononnya keluarga yang mendiami rumah tersebut akan ditimpa malapetaka dan cara menolak malapetaka tersebut ialah dengan menggantungkan semula lebah bergantung itu dengan satu upacara yang khas.

DINDING

Dinding adalah tabir yang menutup rumah atau ruang. Bagi rumah Bumbung Perak, dinding yang asal adalah dibuat dari kulit kayu dan ada juga yang dibuat dari anyaman buluh yang dikenal dengan nama tempatan sebagai dinding tepas atau pelupuh. Dinding tepas yang berkelarai dianyam dengan menggunakan kepintaran yang luar biasa hingga mendapatkan corak yang sangat menarik. Ada terdapat berbagai corak pada tepas yang berkelarai seperti Kelarai Bunga, Kelarai Siku Keluang, Kelarai Rebah dan Kelarai Tampuk Manggis. Corak yang lebih senang dianyam seperti corak Rusuk Kerbau sering digunakan di bahagian rumah dapur. Menurut cerita Encik Said, dinding yang diperbuat dari bahan ini tidak

boleh ditelus jika digunakan kapak. Kapak yang dicampak ke dinding akan jatuh semula.

Sesuatu yang menarik di bahagian dinding ialah letaknya tingkap dan pintu. Pada zaman dahulu, di bahagian ibu rumah jarang di dapati tingkap. Oleh kerana kemesraan tidak wujud serta perasaan dengki antara sebuah kampung dengan sebuah kampung, maka hanya lubang kecil berukuran 10cm x 5cm sahaja dibuat berhampiran dengan tangga untuk tujuan mengintai tetamu datang. Kemudian baharulah tingkap kecil yang panjang melintang dibuat dibahagian hadapan rumah. Ukuran buka tingkap tersebut adalah 1 meter melintang dan 46 cm membujur. Sistem buka tingkap dan tutup tingkap ini adalah ke atas dan kebawah. Oleh kerana ruang yang terbuka terlalu kecil walaupun untuk kanak-kanak telus, maka tidaklah di kuatirkan jika tingkap tersebut tidak bertutup pada malam hari.

Tiangkap pada bahagian dinding pada sudut yang ada tiba layar berbeza dari tingkap yang disebutkan tadi. Tingkap tersebut hampir sama dengan tingkap pada jenis rumah Melayu yang lain.


Mengenai pintu bagi rumah Bumbung Perak, ia terletak di bahagian

TANGGA


Selalunya ia mempunyai tiga buah tangga. Satu di bahagian hadapan satu di Selang dan satu lagi di pelantar atau di belakang dapur. Ia diperbuat dari kayu-kayu bulat seperti tertera di rajah. Anak tangganya mempunyai jumlah yang ganjil. Misalnya 5,7,9 atau 11 adalah yang paling banyak dibenarkan.

**PELAN.
PAND. SISL.**



Pelan asal
rumah Bumbung
Perak.



Ibu rumah




Pandangan sisi asal rumah Bumbung Perak.



b. tambung anak sole bentuk asalnya.


TIANG

KOLEKSI N. A. HALIM





Tiang di penjuru rumah, juga kelihatan bendul yang dipasang ukiran ombak-ombak di sebelah bawahnya.

Tiang guntung atau tiang pendek yang paras lantai. Juga kelihatan bendul, kekeras dan juga rasuk panjang.




PANDANGAN HADAPAN TIANG DAN LAIN-LAIN BAHAGIAN YANG BERHUBUNGAN







SAMBUNGAN TINDIH KASIH PADA KAYU KEPALA TIANG

iang, dinding, lantai
n bendul pembahagi
ruang.







Rasuk panjang dari tiang ke tiang, dan diatasnya kelihatan tersusun kayu gelugor dan juga rasuk pendek, kelihatan juga pengalas bendul dipasang di atas hujung rasuk panjang.




Sambungan tiang dan
kepala tiang - rumah
rakyat tiang persegi
8 dan rumah raja pula
tiang persegi 4.





Penjuru tiang serambi dengan kepala tiang.




Sambungan tiang dengan kepala tiang (alang panjang) ;
kelihatannya juga papan sendeng, jenang dinding, kasau jantan
dan kayu bulat.


LANTAI

KOLEKSI N. A. HALIM




Lantai jeria dipandang dari atas rumah, ia dibuat dari belahan buluh.






Lantai asal rumah Bumbung Perak. Melihat gelegar bulat yang menutup lantai. Kayu pinang dioelah selebar 4" dan diatur diatas gelegar bulat. Di atas kayu pinang diatur buluh yang juga dibelah selebar 1' hingga $1\frac{1}{2}$ " dan diikat dengan rotan untuk menjawikan lantai. Gambar menunjukkan pandangan dari bawah rumah, memperlihatkan lantai jeria yang disokong oleh gelegar dan rasuk, merupakan jari lantai pada rumah Bumbung Perak yang asli.


**TIBAR
LAYAR**



Tiba layar dilihat dari dalam rumah.



Pelbagai corak tibar layar.







Tibar layar dari
tepas yang
berkel-rai.



TUNJUK LANGIT


SAMBUNGAN TUNJUK LANGIT DENGAN ALANG LINTANG DAN PAPAN NENAGA






Tunjuk Langit di tepi Tibar Layar






Bandingkan sambungan tradisi dengan sambungan menggunakan paku di muka sebelah (sambungan bahagian atas tunjuk langit dengan kasau).




... dalam yang berasal

Sambungan bahagian atas menggunakan paku. Tunjuk langit, alang lintang dan kayu naga. Kelihatan bajji di Kuku Tunjuk Langit memainkan peranan penting dalam memberi kekuatan kerangka dibumbung.




Bahagian bawah Tunjuk Langit dengan dinding dalam yang baharu dibuat. Kayu Naga yang dipasang ditengah, memanjang rumah, dimana Tunjuk Langit dan alang lintang menjadi hubungan.


**LEBAH
BERGANJUNG**




Lebah bergantung kelihatan dipasang dibawah peran(loteng), ia digantung pada alang buang (alang lintang).

PANDANGAN TEPI RUMAH IBU, LEBAH BERGANTUNG DAN LAIN-LAIN BAHAGIAN












Sambungan Papan Sendeng (Fascia) dengan Alang Lintang, dan
Kasau Jantan.

DINDING




Dinding Tepas yang dipasang bingkai, juga kelihatan tingkap yang dipasang bar. Gambar bawah menunjukkan tibar layar yang dibuat dari tepas berbentuk seperti huruf V terbalik.







Dinding dalam (partition) yang dibina di ibu rumah untuk dijadikan bilek, mengantikan tabir. Selalunya untuk kegunaan ketua rumah dan isteri. Disamping ukuran yang cantik ia juga memberi laluan angin yang baik. Ukiran pada gambar bawah adalah sama dengan ukiran pada tingkap panjang.





TINGKAP






Tingkap memanjang yang didapati di bahagian hadapan rumah Bumbung Perak. Gambar diatas menunjukkan tingkap yang bertutup manakala gambar bawah menunjukkan daun tingkap dibuka kedalam.





Tingkap dibahagian tepi rumah Bumbung Perak. Ensel dan daun tingkapnya dibuka di dalam kerana senang ditutup serta selamat dari tetakan musuh jika menghulur tangan ke luar untuk menutup jika ia berada di luar.



Gambar menunjukkan
tingkapnya yang
menggunakan ensel kayu.

PINTU


KOLEKSI N. A. HALIM




Pintu gelangstar dilihat dari luar.

Pintu gelangstar
dilihat dari luar.

Pintu gelangstar yang
hampir tertutup.
Gambar menunjukkan
bagaimana ia dibina
supaya menggelongsor
dengan mudah.



Pintu gelangstar
waktu terbuka.



Penutup

Seperti yang telah penulis terangkan di bab-bab yang lalu, rumah-rumah Bumbung Preak ini sudah hampir pupus dari bumi Malaysia ini. Malah rumah-rumah tradisional negeri-negeri lain dan lain-lain bangunan tradisional seperti masjid, istana dan sebagainya juga menerima nasib yang sama.

Perkara ini amatlah dikesalkan dan hanya kini baharulah kerajaan mula sedar akan keindahan senibina tradisional kita. Baharu sekaranglah identiti nasional diambil perhatian dan firma-firma akitek diarahkan mereka bangunan-bangunan yang berunsurkan identiti nasional ini. Tetapi apa yang menyedihkan, kita masih teraba-raba bagaimanakah bentuk bangunan yang dikatakan berunsur identiti nasional itu!

Pada pendapat penulis setengah-setengah bangunan yang boleh menggunakan bahan-bahan tradisional adalah seperti istana-istana kecil untuk penginapan sementara, rumah rehat, chalet-chalet dan sebagainya. Bangunan-bangunan seperti ini selalunya didirikan jauh dari bandar dan ia memang kena benar dengan suasana sekitarnya. Bangunan-bangunan yang didirikan di bandar-bandar

seperti bangunan-bangunan pejabat, hotel dan lain-lain juga boleh menerapkan sedikit daripada unsur-unsur ini mungkin dengan penggunaan ukiran-ukiran dan kelarai-kelarai di ruang dalam bangunan tersebut.

Penulis juga amat setuju sekiranya kerajaan menubuhkan satu pengusaha yang boleh mengusahakan bahan-bahan asli seperti nibung, tepas dan sebagainya untuk digunakan pada bangunan-bangunan tersebut. Dengan itu untuk membuat bangunan-bangunan, masaalah bahan-bahan ini sudah boleh diselesaikan.

Perlu juga diingatkan disini bahawa bahan-bahan asli seperti dinding tepas ini juga boleh tahan lama seperti dinding papan. Bukti nyata rumah-rumah tradisional yang masih wujud itu setengahnya sudah berumur lebih dari seratus tahun dan dindingnya masih kukuh. Istana Kenangan di Bukit Chandan, Kuala Kangsar satu contoh bangunan yang menggunakan bahan-bahan asli dan istana ini sentiasa mendapat perhatian dari pelancung-pelancung luar negeri kerana keindahan seninya.

BUKU-BUKU RUJUKAN

- 1) Sejarah Negeri Perak
 - Oleh Halim Nasir
 - 2) History Of Perak
 - 3) Perak And The Malays
 - 4) Sala-Silah Raja Melayu Perak
- o o